

86 - 4254

KRISIS UMNO:

DILEMA MAHATHIR



M
324.2595U
YAH

KASSIM86



Yahaya Ismail

86-4254

KRISIS UMNO:

DILEMA

MAHATHIR

**KRISIS UMNO:
DILEMA
MAHATHIR**

Yahaya Ismail

© Yahaya Ismail
Cetakan pertama, Jun 1986.

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat jua pun, sama ada dengan cara elektron, sawat, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik Hakcipta terlebih dahulu.

M

324.259511

YAH

460840

APB



DINAMIKA KREATIF SDN. BHD.
3B – Bangunan UDA
Jalan Pantai Baru
Kuala Lumpur
Tel: 7579980

25 APR 1988

*Perpustakaan Negara
Malaysia*

PENDAHULUAN

Politik Malaysia kian rancak sekarang. Banyak isu yang timbul yang meminta perhatian rakyat. Skandal juga tidak kurang banyaknya. Kepercayaan rakyat terhadap pucuk pimpinan kian berkurangan akibat dari isu-isu itu. Malah slogan-slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' dan 'Kepimpinan Melalui Teladan' juga sudah menjadi momokan orang ramai. Sebenarnya kita menghadapi krisis kepimpinan sekarang.

Buku kecil ini bertujuan untuk menganalisa secara objektif isu-isu yang menyebabkan krisis kepimpinan itu. Ia bukan bertujuan untuk berpihak kepada sesiapa, memusuhi sesiapa, membenci sesiapa. Ia bertujuan untuk memulihkan kembali keyakinan rakyat terhadap pucuk pimpinan dengan jalan memberi teguran yang membina agar menyedarkan tokoh-tokoh politik yang berperanan itu.

Rakyat Melayu khasnya dan Malaysia amnya ingin melihat kepimpinan yang kuat supaya sejarah perjuangan tanah air tidak dinodai oleh petualang-petualang yang sanggup mengorbankan kegemi-

languan masa depan generasi bangsa sendiri. Bila kita bercakap tentang maruah bangsa maka kita sendiri mestilah membuktikan nilai-nilai yang baik dari pengertian maruah itu. Ucapan dan slogan semata-mata tidak boleh membentuk sejarah bangsa yang kuat. Rakyat tidak boleh dipukau dengan angan-angan, janji-janji dan harapan-harapan yang tidak boleh diharap.

Rakyat Malaysia sudah sedar sekarang. Mereka tahu harga diri dan juga harga mandat kuasa yang diserahkan kepada pemimpin-pemimpin parti politik. Kalau pemimpin-pemimpin parti berlaku curang, korup, gila kuasa, tidak adil, pilih kasih, takabur, maka alamat akan hancurlah kepemimpinan parti itu.

Bagi rakyat yang rata-rata miskin mereka akan hilang gentar menghadapi risiko. Sebenarnya mereka tidak ada risiko apa-apa lantaran kemiskinan mereka. Mereka akan bertindak buas, rakus dan bahaya sekiranya tokoh-tokoh politik yang diamanahkan oleh rakyat jelata untuk membela mereka menjadi jutawan-jutawan 'instant' di tanah air tercinta ini. Janganlah meninabobokkan rakyat untuk mempercayai sesuatu yang tidak boleh meyakinkan rakyat. Rakyat sudah muak.

Kini kita perlu menganalisa diri sendiri dengan penuh kejujuran, dan harus berani pula mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki nasib bangsa sendiri. Masyarakat Melayu dan Islam semakin tenat. Terlalu banyak masalah yang meminta perhatian dan tindakan segera. Percakaran UMNO-PAS akan membawa kehancuran pada bangsa dan agama sendiri. Permusuhan yang berlanjutan merugikan kita juga.

Orang lain ketawa melihat orang-orang Melayu dan Islam bergaduh sama sendiri. Mereka menanguk di air keruh dan Melayu seperti Pak Pandir sorak

kampung tergadai.

Dengan rendah hati saya serahkan buku kecil ini untuk kita sama-sama berfikir dan sama-sama memperbaiki nasib bangsa sendiri. Kita adalah pembentuk zaman dan kita juga menjadi perosak zaman sekiranya kita tidak menjalankan tanggungjawab kita yang sewajarnya terhadap aspirasi bangsa, negara dan agama.

Akhirulkaam saya ingin merakamkan penghargaan kepada isteri saya Syarifah Rubiah yang banyak berkorban dan bersabar dalam menempuh perjuangan hidup ini. Juga terima kasih saya yang banyak kepada kawan-kawan dalam berbagai parti politik, orang-orang bisnes dan para intelektual yang sama-sama membincangkan nasib kita ini.

Sekian terima kasih.

YAHAYA ISMAIL

28hb. Jun 1986

KANDUNGAN

Pendahuluan	V
Dua M: Jambatan yang Rapuh	1
<u>Punca-punca Keretakan Mahathir - Musa</u>	8
Apakah UMNO Tergugat tanpa Musa	23
Dilema Mahathir dalam Kepimpinan	51
Peristiwa Memali dan Cabaran Pas	68
Kepimpinan UMNO Memerlukan Kritik Diri	86

1

DUA M: JAMBATAN YANG RAPUH

Siapa sangka Mahathir dan Musa akhirnya mengambil jalan lain-lain dalam politik. Di zaman Tengku Abdul Rahman kedua-duanya dianggap 'ultra' kerana menentang dasar perjuangan Tengku. Kedua-duanya disingkirkan dari UMNO. Mahathir menulis buku kontroversial **The Malay Dilemma** yang diharamkan pengedaran dan pembacaannya di bumi bertuah ini sehingga beliau menjadi Perdana Menteri barulah buku tersebut dibenarkan pengedarannya. Musa mencari ketenteraman di England, belajar dan memperolehi M.A. dari Universiti Sussex dan menjadi pensyarah di negara asing.

Sejarah tetap berpuaka dan berulang selalu. Mahathir dan Musa tidak lama berkelana di luar UMNO. Penyingkiran mereka mendapat simpati dan perhatian dari pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Datuk Harun Idris dan Datuk Abdullah Ahmad memujuk Mahathir kembali ke dalam pelukan UMNO. Suasana politik sudah berubah.

Tun Razak yang menjadi Perdana Menteri -seorang tokoh yang disegani, dihormati ramai dan dedikasi.

Kalau Musa menimba ilmu dan menjadi penasihat di luar negeri Mahathir menjadi popular dalam negeri. Ia diterima oleh PAS dan beliau menjadi pentas PAS sebagai saluran politiknya. Kepada orang-orang Melayu Mahathir adalah hero kerana berani menentang dasar Tengku Abdul Rahman yang dianggap tidak begitu pro Melayu.

Suasana politik selepas 13 Mei 1969 amat berlainan dari zaman Tengku. Babak baru dalam perjuangan orang Melayu untuk menceburkan diri secara sirius dalam berbagai kegiatan hidup khususnya perniagaan dan perusahaan. Dalam suasana perjuangan Melayu yang berjiwa baru ini tokoh-tokoh seperti Mahathir dan Musa, Datuk Harun Idris dan Jaafar Albar menjadi pemimpin-pemimpin penting bersama-sama dengan Tun Razak.

Perjuangan nasionalisme Melayu menjadi semakin lantang di zaman Tun Razak. Kebangkitan semangat Melayu selepas peristiwa Mei 13 menjadi pendorong kepada para pemimpin politik UMNO untuk melipatgandakan usaha bagi menjaga kepentingan Melayu dalam semua bidang - politik, ekonomi, pelajaran, sosial, dan sebagainya supaya tidak menjadi seperti Pak Pandir menang sorak, kampung tergadai.

Dalam masa Tun Razak, Hussein Onn masuk semula ke gelanggang politik UMNO setelah sekian lama meninggalkan gelanggang politik bilamana beliau keluar untuk mengikuti jejak langkah bapanya Datuk Onn Jaafar. Tiba-tiba saja Hussein Onn menjadi Menteri Pelajaran dalam kabinet Tun Razak yang kebetulan menjadi iparnya.

Tapi politik UMNO tidak sedamai dan 'sehappy' Tengku di masa lalu. Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor merangkap Ketua Pemuda sudah menjadikan Pemuda UMNO 'kerajaan dalam kerajaan'. Terasa sekali kehangatan semangat yang dicituskan oleh Datuk Harun. Pemuda UMNO mempunyai identitinya sendiri - satu kekuatan yang tidak boleh dipandang remeh baik oleh kerajaan maupun parti-parti politik lain.

Gugatan dan cabaran dari Pemuda UMNO menjadikan politik UMNO dan Malaysia semakin rancak. Akhirnya berlakulah konfrontasi yang meminta pengorbanan. Datuk Harun menolak permintaan Tun Razak untuk ke Bangsa-bangsa Bersatu dan melepaskan jawatannya yang penting sebagai Menteri Besar Selangor merangkap Ketua Pemuda. Bila Tun Razak meninggal dunia masalah cabaran dari Ketua Pemuda UMNO masih belum selesai.

Hussein Onn mewarisi masalah Pemuda UMNO yang dipimpin oleh Datuk Harun. Keadaan berubah dengan tiba-tiba. Melalui manipulasi, amaran dan ancaman ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang mula-mulanya menyokong setiap langkah Menteri Besar tiba-tiba menjadi pembelot kepada Datuk Harun. Harun diheret ke mahkamah atas tuduhan korupsi, didapati bersalah, dan terus menjadi penghuni Penjara Pudu selama enam tahun!

Demikianlah berakhirnya karier politik seorang tokoh yang pernah menjadi hero orang-orang Melayu dalam masa Mei 13.

Mahathir dan Musa mungkin merasai bernasib baik ketana penentangan mereka terhadap Tengku tidak membawa ke Kemunting. Tidak dicari-cari

alasan tertentu, yang gelap atau yang terang, untuk menghancurkan karier politik mereka. Cuma disingkir dari UMNO tapi dipulihkan semula oleh Tun Razak, dan sekarang menjadi anggota kabinet Hussein Onn. Dengan kata lain, bila Harun jatuh karier politik Mahathir dan Musa kian terserlah.

Tapi Hussein Onn juga gagal membawa kedamaian dalam UMNO. Bayang-bayang Datuk Harun menguasai setiap Perhimpunan Agung. Kematian Tun Razak secara mengejut menyebabkan Hussein Onn terlalu cepat memegang teraju pimpinan negara sebagai Perdana Menteri. Beliau gelabah. Krisis dalam UMNO semakin membesar dan semangat penentang Pemuda UMNO tidak dapat dibedungnya. Datuk Harun masih berkuasa walaupun ia menjadi penghuni Pudu.

Dalam suasana yang amat menekan perasaan Hussein Onn melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru. Harapan Ghazali Shafie pun musnah. Juga Ghaffar Baba juga Tengku Razaleigh.

Bermulalah babak baru dalam kehidupan Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Tapi anih bin ajaib bukunya, **The Malay Dilemma**, terus diharamkan oleh Ghazali Shafie yang menjadi Menteri Dalam Negeri pada waktu itu.

Dalam satu pertemuan di pejabat beliau saya pernah menanya Dr. Mahathir mengapa bukunya terus diharamkan lagi walhal beliau adalah seorang Timbalan Perdana Menteri?

Beliau menjawab bahawa biarlah Ghazali Shafie menggunakan budi bicaranya sendiri tanpa diarah oleh beliau. Akhirnya buku yang kontroversial ini

diterbit juga di Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan Cina.

Kandungan buku ini memang kontroversial tapi disenangi oleh masyarakat Melayu kerana banyak buah fikirannya dianggap pro Melayu. Dari kandungannya Dr. Mahathir dianggap sebagai seorang wira Melayu, yang berani dan tegas memperjuangkan nasib bangsanya dan tanahair yang tercinta ini.

Tapi apakah pendirian Mahathir seperti dalam **Malay Dilemma** itu? Apakah beliau sudah banyak berubah setelah menjadi Perdana Menteri kini? Sama-samalah kita menilainya.

Satu hal yang nyata **Malay Dilemma** ditulis semasa Mahathir dalam 'dilema politik' setelah disingkir dari UMNO. Peristiwa-peristiwa Mei 13 yang menyayat hati masih terbayang terang dalam fikirannya. Darah masih panas, semangat masih berkubar-kubar dan kuasa masih belum ada. Tumpahan fikiran di waktu itu memancarkan dilemma orang-orang Melayu dalam menghadapi cabaran zaman dan saingan dengan bangsa-bangsa lain.

Atas dasar sama-sama tersingkir dari UMNO, dan sama-sama pula memperjuangkan nasib bangsa Melayu maka tidak hairanlah kedua "Malay ultra' menjadi seperti Sri Rama dan Laksamana yang amat erat hubungan persahabatan keduanya. Justru itu kejayaan Mahathir dalam politik UMNO juga membawa tuah kepada Datuk Musa.

Demikianlah bila Musa bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 dan sekali lagi mempertahankan jawatan itu pada tahun 1983 Dr. Mahathir tetap menyokong Musa. Dua kali Tengku Razaleigh gagal tapi beliau

tetap mendapat tempat dalam kabinet Mahathir. Mengapa?

Dalam percaturan politik macam-macam boleh berlaku. Sahabat hari ini menjadi musuh politik hari esok. Musuh sekarang menjadi kawan sekabinet di masa depan. Kata orang tua-tua kalau pukul ular, ular mesti mati tapi kayu jangan patah.

Di sini terletak kebijaksanaan Mahathir. Sungguh pun Musa jadi Timbalan Presiden, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri tetapi ia tetap memberi tempat kepada Tengku Razaleigh dalam kabinetnya. Mahathir ingin melihat 'check and balance' dalam politik UMNO agar tidak berlaku krisis kepimpinan yang boleh menghancurkan kekuasaan UMNO sebagai parti terkemuka di negara kita ini.

Kepada Musa barangkali kehadiran Tengku Razaleigh dalam kabinet dianggap satu "ancaman" terhadap masa depan politiknya. Sungguhpun dua kali Tengku Razaleigh kalah dalam rebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO namun kedudukannya dalam kabinet tidak terjejas.

Hal ini tentulah sedikit menyimpang dari tradisi perlantikan anggota kabinet. Tun Razak mula-mula sekali melantik Hussein Onn sebagai anggota kabinet walhal Hussein pada waktu itu bukanlah seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Sungguhpun Musa mengalami nasib politik yang sama dengan Mahathir (iaitu dianggap 'ultra' di zaman Tengku) namun sejarah saja yang akan menentukan apakah mereka boleh bekerjasama dan saling percaya mempercayai antara satu sama lain. Memanglah pada mulanya kepimpinan 2M berjalan rancak, disanjung oleh rakyat dan dianggap dua pemimpin yang seia dan sekata.

Demikianlah laporan-laporan dan ulasan-ulasan akhbar seringkali memberi gelaran kerajaan 2M (Mahathir - Musa) kerana memandangkan adanya ikatan kerjasama yang erat antara keduanya.

Rupa-rupanya masih ada retak-retak antara kedua pemimpin tersebut. Walaupun bunga-bunga keretakan itu sudah berputik sekitar tahun 1983 (semasa Perhimpunan Agung) namun Mahathir dan Musa masih dapat bersenyum bersapa untuk diabadikan oleh jurugambar akhbar-akhbar tempatan. Tapi keadaan yang sebenarnya tidaklah seperti dalam gambar di akhbar-akhbar itu.

2

PUNCA-PUNCA KERETAKAN MAHATHIR - MUSA

* Tuduhan yang amat menggemparkan masyarakat yang dibuat oleh Musa ialah beliau tidak boleh lagi bekerjasama dengan Dr. Mahathir kerana ia menganggap Perdana Menteri tidak lagi memberi kepercayaan kepadanya. † Beliau menganggap sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri di samping menjadi Timbalan Presiden UMNO tentulah Perdana Menteri akan memberi kepercayaan penuh kepadanya. Tentulah hal-hal yang berkaitan dengan dasar kerajaan akan dibincang semasak-masaknya lebih dahulu dengan beliau sebelum diumumkan kepada rakyat.

* Surat perletakan jawatan Musa itu telah diberikan kepada Perdana Menteri pada 1hb. Mac 1986 yang mana Musa meletakkan semua sekali jawatan yang disandangnya baik dalam kabinet maupun parti. Dengan kata lain, Musa hanya menjadi ahli biasa saja. Selepas menyampaikan surat tersebut beliau terbang ke Arab Saudi untuk

menunaikan Umrah sebelum ke London untuk menghabiskan cutinya.

➤ Desas desus perletakan jawatan itu telah dicitum dulu oleh para wartawan tapi Mahathir, bila ditanya tentang desas desus itu, tidak menyebut langsung tentang perletakan jawatan itu. Menurut Perdana Menteri beliau belum lagi menerima surat rasmi dari Musa. Malah ketidakhadiran Musa dalam kabinet pada minggu itu dikatakan kerana Musa sakit. Anih dan lucu sekali bila para wartawan menanyai Musa sewaktu beliau hendak berangkat ke Mekah beliau berkata ia sihat segar, tidak sakit dan sekarang hendak ke Mekah menunaikan Umrah dan menaiki MAS kelas ekonomi!

Dari sumber-sumber MKT dikatakan berlaku pertikaman lidah dan tuduhan yang serius terhadap Mahathir; Ahli-ahli yang pro Musa dikatakan menuduh Mahathir lebih mengutamakan Daim Zainuddin, Sanusi Jonid, Megat Jonid dan Kip Bahadun dari Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri sendiri. Malah ada antara mereka yang meminta diadakan mesyuarat agung tergembar untuk membincangkan tuduhan-tuduhan Musa seperti yang dikemukakannya dalam surat perletakan jawatannya itu. Salinan surat tersebut juga diberikan kepada semua ahli MKT, Rupa-rupanya surat yang dianggap 'Sulit' itu tidak menjadi sulit lagi kerana akhbar di Singapura telahpun menyiarkannya dalam keluarannya di sana. Malah banyak orang yang mendapat salinan surat 'Rahsia' tersebut.

✧ Setelah berbincang lebih kurang enam jam maka akhirnya Perdana Menteri mengeluarkan surat yang diterimanya dari Musa sebelum ini. Dalam surat itu dikatakan Musa meminta Mahathir

melepaskan jawatan Tengku Razaleigh dalam kabinet dalam masa setahun. Sekiranya Tengku Razaleigh masih menjadi anggota kabinet selepas tempoh tersebut maka ia akan meletakkan jawatannya!

Tentulah pendedahan surat tersebut mengemukakan seluruh anggota MKT terutama sekali yang pro Musa. Ada antara yang pro Musa menjadi serba salah kerana mereka tidak tahu tujuan Musa yang sebenar iaitu untuk menyingkirkan Tengku Razaleigh dari kabinet.

Bagaimanapun satu jalan kompromi mesti dicari. Musa harus dibawa kembali dalam kabinet kerana mengenangkan jasa-jasanya dan sumbangannya sebagai salah seorang pemimpin politikan. MKT bersetuju mengirim empat orang wakilnya menemui Musa untuk memujuknya kembali ke dalam kabinet dan pangkuan UMNO sebagai Timbalan Presiden.

Utusan MKT itu terdiri dari Menteri-menteri Besar Perak, Terengganu, Johor dan Pahang. Oleh kerana keputusan MKT hendak memujuk Musa kembali maka mereka hendaklah membiayai sendiri pemergian ke London itu. Alasan yang diberikan ialah UMNO tak berduit! Dengar cerita sebelum berangkat Menteri Besar Perak 'ditemuramah' dulu oleh Perdana Menteri.

Berita angin terus tersebar luas mengatakan tentang keretakan kepimpinan 2M itu. Ada yang mengatakan mereka yang pro Musa akan menjadi mangsa sekiranya Musa tidak kembali ke dalam kabinet dan memegang semula jawatan Timbalan Presiden UMNO. Ada yang berkata Datuk Shahrir Samad yang amat kuat pro Musa akan dilucutkan jawatan menterinya. Semua orang bimbang.

Semua orang tertanya-tanya.

Para utusan MKT menemui Musa di London. Mereka memujuk Musa untuk menarik balik surat perletakan jawatannya yang akan berkuatkuasa pada 16hb. Mac 1986. Setelah dipujuk dan mendengar hujjah-hujjah daripada utusan itu maka Musa bersetuju untuk menerima jawatan Timbalan Presiden semula tapi tetap menolak jawatan-jawatan kabinet.

Di sini kelihatan kelemahan Musa. Mengapa tidak menemui para utusan MKT di Mekah sewaktu beliau menunaikan Umrah? Sekiranya keempat-empat Menteri Besar itu bersama Musa berunding di Masjidil Haram dan bersaksikan Ka'abah maka kesan psikologinya adalah lebih mendalam. Bukan saja pertemuan tersebut akan memberi kemenangan moral kepada Musa tetapi juga akan meninggalkan kesan mendalam kepada rakyat, khususnya ahli-ahli UMNO, tentang sikap politik dan kewibawaan Musa sebagai seorang pemimpin.

Malangnya pertemuan itu berlaku di kota London, kota kosmopolitan, kota maksiat, kota tua yang membawa sejuta cerita. Sungguhpun Musa sanggup kembali menerima jawatan Timbalan Presiden UMNO namun kesannya kepada ahli-ahli UMNO tidak seberapa.

Dua orang tokoh PAS yang saya temui berkata Musa tidak boleh tinggal lama-lama di Mekah. Tempat itu 'panas' bagi Musa setelah peristiwa Memali yang mengorbankan para syahid, kata mereka. Tambah lagi kata kedua pemimpin PAS tersebut orang-orang PAS bersembahyang hajat, membaca Yassin, meminta Allah menunjukkan kuasanya kerana Dia saja yang dapat menentukan siapakah yang bersalah dalam peristiwa berdarah di

Memali itu.

Ada yang berpendapat kedudukan Musa dalam politik UMNO dan nasional menjadi semakin lemah setelah beliau melepaskan jawatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Sekiranya Musa bersabar dan bijak berpolitik, kata mereka, maka besar kemungkinan beliau akan berjaya menjadi Perdana Menteri kelak.

Ya, salah satu tuduhan Musa dalam suratnya kepada Mahathir ialah beliau tidak sanggup bermain 'money politics' untuk mencari pengaruh dan kedudukan. Semua orang tahu bahawa banyak pemimpin UMNO, baik yang tinggi ataupun yang rendah, main duit. Tanpa duit orang yang bijak menjadi bodoh. Dengan duit orang yang bodoh boleh menjadi pemimpin!

Barangkali ini adalah kesan dari pengalamannya sewaktu merebut jawatan Timbalan Presiden selama dua penggal. Banyak orang tahu berbagai cara dan helah digunakan untuk memujuk para perwakilan UMNO memberi undi kepada calon-calon yang bertanding. Lagi-lagi duit juga yang penting. Ini adalah penyakit UMNO yang akan menjadi barah yang sukar diubati sekiranya pucuk pimpinan parti tidak memberi perhatian yang serius.

Apakah memang benar Musa takut kepada 'money politics' ataupun kerana ia sedar bahawa Perdana Menteri sudah hilang kepercayaan kepadanya? Umum mengetahui dalam dua pertarungannya dengan Tengku Razaleigh Perdana Menteri menyokong Musa. Tapi Tengku Razaleigh tetap dapat mempertahankan undi lebih dari 500 ahli. Dengan kata lain, Tengku Razaleigh tetapi mempunyai pengaruh yang agak besar dan meluas dalam UMNO. Takdirnya Tengku Razaleigh sekali

lagi ingin merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1987 akan datang dan takdirnya Mahathir tidak memberi sokongan lagi kepada Musa seperti dahulu maka besar kemungkinan Musa akan kalah.

Musa juga sedar bahawa kemunculan Anwar Ibrahim dalam politik UMNO secara mendadak yang dibawa oleh Mahathir menimbulkan juga kebimbangan kepada beliau. Banyak orang berkata Anwar Ibrahim adalah bakal Perdana Menteri Malaysia sekiranya Mahathir masih berkuasa. Sekiranya anggapan ini benar maka harapan Musa untuk menjadi Perdana Menteri akan menjadi pudar.

Selain dari itu Musa juga menyedari bahawa Mahathir mempunyai penasihat-penasihat yang kurang disenangi olehnya. Orang-orang yang rapat dengan Mahathir termasuklah Anwar Ibrahim. Daim Zainuddin, Sanusi Jonid dan Megat Jonid.

Daim, jutawan yang kononnya tidak mempunyai cita-cita politik tetapi dilantik menjadi Menteri Kewangan dan Bendahari UMNO. Menurut cerita Daim tidak mementingkan sangat kedudukan dalam politik. Malah, menurut cerita, beliau diminta oleh Mahathir untuk memberi sumbangan dan dermabakti kepada UMNO. Itu saja.

Sanusi lain ceritanya. Ia bercita-cita tinggi tapi sedar bahawa ia tidak akan ke mana-mana dalam politik UMNO tanpa berlindung di bawah Mahathir. Sudah dua kali bertukar kawasan pilihanraya. Mula-mula di Yan, tempat kelahirannya. Bila didapati tempat itu tidak selamat lagi Datuk Sri Syed Nahar, bekas Menteri Besar Kedah, memberi kawasan Jerlun - Langkawi kepadanya. Hiduplah Sanusi. Tapi akhir-akhirnya hubungannya dengan Syed Nahar juga merosot. Bila melihat ia tidak

dapat menumpaskan Syed Nahar sebagai ketua bahagian Jerlun - Langkawi maka terus menarik diri dan kekallah sebagai ahli biasa UMNO. Barangkali mengenangkan jasa-jasanya kepada Mahathir maka beliau dilantik menjadi Setiausaha Agong UMNO, satu jawatan yang penting dalam parti.

Megat Jonid orang lama dengan Mahathir. Sejak Mahathir menjadi Menteri Pelajaran Megat menjadi Setiausaha Politikanya dan kini menjadi Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Hubungannya dengan Perdana Menteri memang erat dan taat setianya juga tidak berbelah bagi terhadap Mahathir.

Kedudukan tokoh-tokoh tersebut sebagai menteri dan juga dalam hirarki UMNO membimbangkan Musa dan para penyokongnya. Kalau Daim menjadi Bendahari UMNO merangkap Menteri Kewangan, Sanusi sebagai Setiausaha Agong, Anwar sebagai Menteri Pelajaran dan Ketua Pemuda dan Megat pula sebagai 'trouble shooter' Mahathir maka tentulah golongan Mahathir dapat terus menerus menguasai politik UMNO. Lebih-lebih lagi musuh politik Musa iaitu Tengku Razaleigh menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian pula!

Musa juga sedar bahawa politik kenegerian ini bukan perkara baru. Waktu Tengku menjadi perdana Menteri orang-orang Kedah mendapat kedudukan istimewa seperti Datuk Senu, Tan Sri Khir Johari dan sebagainya. Tun Razak membawa orang-orang Pahang dan Johor pula. Demikian juga Hussein Onn. Mahathir juga berbuat begitu untuk mengukuhkan lagi kedudukan politikanya.

Dengan adanya klik begini tentulah sukar bagi Musa untuk bercita-cita menjadi bakal Perdana

Menteri. Sungguhpun Musa telah mengatur orang-orangnya sebagai Menteri Besar di setengah-tengah negeri dan juga dalam kabinet namun ia tidak berasa yakin bahawa mereka akan mendapat sokongannya terus menerus sekiranya pengaruhnya dalam kabinet dan parti menjadi semakin lemah.

Tidak Melayu akan mendurhaka terhadap pemimpinnya masih boleh dipakai lagi hingga sekarang. Karan 'survival' dalam politik bergantung kepada penaungan (patronage) dan wang serta pangkat maka ini sedikit sebanyak akan melumpuhkan pengaruh Musa di kalangan ahli-ahli UMNO kelak. Malah kini sudah ada Menteri Besar yang dulunya terkenal sebagai 'orang Musa' sudah mula memberi 'taat setia' yang tidak berbelah bagi kepada Mahathir!

Kini ternyata bahawa Mahathir ingin terus memimpin UMNO dan terus menjadi Perdana Menteri sehingga Barisan Nasional jatuh ataupun beliau mati. Kalaupun ia mati sudah ada penggantinya, dan penggantinya bukanlah Musa!

Musa juga sedar dengan adanya Daim sebagai Menteri Kewangan maka peluang bagi orang-orangnya mendapat projek-projek besar tidaklah begitu besar. Sudah ada rungutan di kalangan usahawan-usahawan UMNO sendiri bahawa banyak projek-projek kerajaan yang menelan berjuta-juta ringgit dibolot oleh golongan tertentu yang ada hubungan keluarga, hubungan politik atau persahabatan dengan Daim. Dalam hubungan pemberian projek besar-besaran ini juga dikait nama Mahathir dan keluarganya khasnya keluarga sebelah isterinya.

Kalau dikaji secara mendalam keretakan

hubungan Mahathir - Musa bukan hanya kerana Musa terlalu bercita-cita tinggi ingin menjadi Perdana Menteri tetapi ada kaitannya dengan monopoli projek-projek besar oleh golongan atau orang-orang Mahathir.

Dalam program 'Hal Ehwal Semasa' dahulu pernah Menteri ditanya oleh Sdr Kadir Yassin dari Berita Harian tentang berita angin yang mengatakan "Datuk Seri Perdana Menteri yang terkaya sekali di dunia." Malangnya jawapan Perdana Menteri tidak tepat dan beliau hanya mengatakan itu adalah fitnah semata-mata dan berkata ada orang menggunakan namanya untuk mendapatkan sesuatu. Walaupun Perdana Menteri mahu berlaku jujur tetapi jawapannya yang kurang tepat itu boleh menimbulkan berbagai sangkaan buruk terhadapnya.

Demikianlah prasangka dan berita angin yang anti Mahathir terus menerus bertiup kencang oleh kerana ada golongan tertentu yang rapat dengannya mendapat faedah yang besar sekali.

Mahathir pun bercita-cita tinggi sebagai Perdana Menteri dan pemimpin dunia yang disegani. Sebagai Perdana Menteri beliau ingin merombak pemikiran masyarakat supaya lebih dinamis, lebih tegas, berjiwa besar, lebih dedikasi dan yakin pada diri sendiri. Lalu diperkenalkan "jam waktu masuk dan keluar pejabat" untuk mendisiplinkan rakyat supaya tepat pada waktu. Lalu diperkenalkan pula slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan "Kepimpinan Melalui Tauladan" untuk kononnya mengembalikan maruah bangsa supaya bangsa Malaysia tidak merasai rendah diri dan berdisiplin.

Sesuai dengan "jiwa baru" yang ingin diketengahkan oleh Perdana Menteri maka dasar

“Pandang ke Timur” dilaksanakan. Jepun dan Korea menjadi contoh agung untuk memberi semangat berdisiplin, hargadiri, keyakinan diri dan kejayaan bangsa Asia. Maka banyaklah projek-projek besar seperti Dayabumi, Jambatan Pulau Pinang, pembinaan jalanraya dan lain-lain projek gergasi yang diberikan kepada Jepun dan Korea. Moga-moga Jepun dan Korea akan mengajar bangsa Malaysia untuk maju dari segi teknologi supaya Malaysia juga boleh bergerak maju sejajar dengan perkembangan industri dan teknologi dewasa ini. Banyak golongan kritik dasar “Pandang Ke Timur” ini kerana dianggap tidak menguntungkan Malaysia oleh kerana Jepun dan Korea tidak begitu jujur untuk membantu Malaysia dari segi teknologi. Akibatnya berbilion ringgit hasil projek-projek yang diberikan kepada Jepun dan Korea dibawa keluar negeri!

Mahathir juga ingin mempercepatkan kemajuan teknologi supaya Malaysia dianggap sebagai salah sebuah negara Asia yang mempunyai industri berat. Demikianlah lahirnya Hicom yang membelanjakan beratus juta ringgit untuk mengeluarkan Proton Saga dengan kerjasama Mitsubishi. Kononnya Proton Saga mendapat sambutan hangat di luar negeri dan pesanan pun banyak tetapi Hicom masih belum mampu untuk mengeksport motokar buatan Malaysia itu lagi.

Walaupun harga Proton Saga lebih murah dari kereta-kereta Jepun lainnya tetapi subsidi kerajaan itu nampaknya akan ditarik balik, dan harganya nanti akan lebih tinggi lagi. Soalnya bolehkah kita mengeksport Proton Saga ke luar negeri dan sanggup bersaing dengan Nissan, Toyota, Honda, Mitsubishi dan sebagainya? General Motors, Ford dan

Crysler di Amerika Syarikat sendiri merasai sengit bersaing dengan kereta-kereta buatan Jepun. Malah Chrysler sendiri terpaksa meminta kerajaan Amerika menginjeksikan wang oleh kerana kerugian yang besar akibat saingan dari kereta-kereta Jepun/Eropah dan juga dalam negeri sendiri. Baru-baru ini Indonesia juga terpaksa menutup sebuah kilang "assembly" motokarnya lantaran mengalami kerugian besar kerana tidak mendapat sambutan.

Bila Mahathir melihat ke Jepun dan Korea mencari ilham Musa pula melihat ke Barat. Musa melihat Barat adalah segala-galanya - pusat tamaddun, pusat industri, kewangan, kebudayaan dan pendidikan - yang sudah dikenali oleh rakyat Malaysia. Barangkali, pada Musa, adalah lebih mudah berurusan dengan Barat yang kita sendiri mempunyai pengalaman dari Jepun dan Korea yang asing pada kita.

Boleh dikatakan Musa tidak begitu tertarik dengan dasar "Pandang ke Timur" yang dianggap lebih banyak merugikan negara kita sendiri. Barangkali ada benarnya anggapan Musa itu kerana Perdana Menteri pernah pada suatu persidangan mengecam Jepun dan Korea yang tidak begitu bersungguh-sungguh membantu Malaysia dari segi 'transfer technology'. Apa yang kita dapati ialah Jepun dan Korea mengeksploitasikan dasar itu untuk merebut sebanyak peluang yang boleh sehingga menimbulkan sungutan dan protes dari para pemborong tempatan.

Musa nampaknya tidak begitu yakin dengan dasar industrialisasi yang menjurus kepada industri-industri berat yang menelan ratusan juta ringgit bagi setiap projek. Pertama, kita masih kurang tenaga

mahir. Kedua, kita juga kurang modal. Ketiga, terpaksa bersaing dengan negara-negara industri yang lebih maju untuk menjual barangan expot dari industri-industri berat tersebut. Seringkali kita akan kalah kerana kita baru saja memasuki bidang industri berat dan pasaran menjadi semakin sengit kerana terpaksa bersaing dengan negara-negara industri yang lebih maju.

Bila berhasrat untuk memasuki industri berat seperti kilang besi, motokar, petroliam dan gas maka negara kita terpaksa mengimport teknologi asing. Kita juga terpaksa meminjam wang lebih banyak lagi dari negara-negara yang kaya seperti Jepun, Amerika dan lain-lain negara maju. Misalnya syarikat Perwaja di Kerteh, Terengganu, yang menelan belanja beratus juta ringgit untuk mengeluarkan besi bagi eksport. Dikatakan segala sesuatu dari kilang ini diimport dari Jepun oleh kerana Malaysia mendapat pinjaman beratus juta ringgit dari Jepun! Lihat pula apa yang berlaku pada Sabah Gas and Industries yang mengalami kerugian berjuta-juta ringgit akibat sukar memasarkan barangan keluarannya. Dan tidakkah industri motokar nasional kita akan mengalami nasib yang sama kelak? Kita akan melihat perkembangannya dalam sedikit masa lagi.

Pada Musa yang perlu diutamakan ialah peningkatan industri kecil yang tidak memerlukan modal terlalu besar. Yang penting memberi pengalaman dan mempelbagaikan barangan yang dihasilkan untuk keperluan tempatan terlebih dahulu di samping eksport. Kalau diperhatikan perkembangan industri di negara-negara maju seperti Jepun dan Korea ternyata sumbangan industri-industri kecil itu amat besar sekali dari

jumlah pengeluaran negara.

Barangkali tidak ketara kepada umum tentang perbezaan sikap kedua pemimpin tersebut. Ini disebabkan kerana Malaysia juga menggalakkan pertubuhan industri-industri kecil di samping cuba menjadi gergasi di bidang industri berat. Ternyata sekarang Malaysia menghadapi tekanan ekonomi yang teruk akibat dari kemerosotan ekonomi dunia. Industri-industri berat yang ujud hasil dari pinjaman luar negeri yang berbilion-bilion itu benar-benar membenankan seluruh rakyat. Dengan kata lain timing tidak kena.

Konflik dari segi dasar ini memperlihatkan jurang kepimpinan yang berlainan antara Mahathir dan Musa. Boleh jadi Mahathir ingin meletakkan asas yang kukuh dan bermakna sebagai rekod sejarah kepimpinannya untuk generasi akan datang. Beliau beranggapan selagi Malaysia hanya menumpukan kepada pertanian dan pengeluaran bahan-bahan mentah maka selama itulah negara kita akan tertakluk kepada negara-negara industri yang lebih maju di dunia ini.

Walaupun dasar dan pandangan itu dianggap progresif dan baik tetapi segala dasar dan rancangan industri dan ekonomi itu hendaklah mencicah pada kenyataan. Juga perlu dinilai kemampuan negara supaya rakyat dan negara tidak terperangkap dalam lingkaran maut.

Musa barangkali menganggap kerajaan 2M adalah kerajaan pimpinan Mahathir dan Musa dan bukan hanya kerajaan Mahathir Mohamed. Oleh itu Musa berasa bertanggungjawab juga terhadap segala dasar dan rancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Konsep tanggungjawab bersama ini memerlukan perbincangan yang terus terang an-

tara kedua pemimpin sebelum menjadi dasar negara.

Di sini Musa berasa bahawa ia tidak diberi peranan yang sewajarnya oleh Perdana Menteri. Mahathir dikatakan mempunyai kliknya sendiri untuk berunding, berbincang. Dalam banyak hal Mahathir dikatakan membuat keputusannya sendiri tanpa mendapatkan pandangan-pandangan dari orang lain. Ada juga berpendapat Mahathir ingin mengengahkan idea-ideanya sahaja tanpa memperhitungkan pandangan dari jemaah menteri yang lain.

Barangkali setengah menteri berasa takut untuk memberi pandangan yang berlainan dari Perdana Menteri. Maklumlah beliau adalah boss. Mereka ingin menjaga kepentingan diri masing-masing. Oleh itu adalah lebih baik menerima saja segala pandangan dan idea-idea yang dikemukakan oleh Perdana Menteri.

Apakah Mahathir terlalu sensitif terhadap kritik dasar-dasarnya? Barangkali juga. Pernah seorang pensyarah universiti memberi komen tentang projek Proton Saga dalam akhbar. Jawapan dari Mahathir amat memeranjatkan sekali. Nampaknya beliau kurang senang sekiranya ada pandangan yang kontra dengannya.

Pada pendapat saya sekiranya kritik dari orang ramai itu bersifat membangun maka kenalah kita terima dengan dada terbuka dan hati yang lapang. Tidak ada insan yang tidak berbuat salah. Tidak ada semua idea yang baik hanya lahir dari sebiji kepala yang bijaksana. Apalagi kita mengamalkan sistem demokrasi yang bererti kita inginkan dialog, perbincangan supaya boleh kita tukar menukar fikiran demi kepentingan negara kita sendiri.

Bilamana dialog bertukar menjadi monolog, kekuasaan dianggap sebagai hak seorang individu maka bermakna negara kita akan bertukar corak dari sebuah negara demokrasi menjadi sebuah negara totalitar. Alhamdulillah hingga sekarang rakyat Malaysia masih boleh bersuara dan bernafas bebas lagi.

Sekarang Datuk Musa tidak lagi menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Setelah dipujuk dan dirayu beliau menerima semula jawatan Timbalan Presiden itu demi kepentingan dan kesejahteraan negara. Tapi apakah Datuk Musa sudah 'fed up' terhadap politik? Apakah Datuk Musa akan mencabar kepimpinan Mahathir untuk menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia akan datang? Apakah memang ujud perpaduan dalam UMNO sekarang ini setelah Datuk Musa meletakkan jawatan kabinetnya?

Sama-samalah kita melihat perkembangan politik selanjutnya.

3

APAKAH UMNO TERGUGAT TANPA MUSA

Banyak berpendapat UMNO sekarang tidak seperti dulu lagi. Perpaduan dalam UMNO sudah retak setelah Musa meninggalkan kabinet. Sejak berlaku krisis kepimpinan dan perletakan jawatan golongan Mahathir mula memperkemaskan parti dan kedudukan masing-masing. Mereka yang pro Musa dikatakan berasa tidak senang hati dengan perkembangan dan tindakan golongan Mahathir.

Seperti biasa berbagai berita angin tersebar luas untuk memburukkan salah satu pihak. Golongan Musa menyebarkan berbagai cerita tentang orang-orang kaya dan jutawan 'instant' di bawah Mahathir. Orang-orang yang bernasib baik dan diterima oleh kem Mahathir dikatakan mendapat berbagai projek berjuta-juta ringgit.

Stail Mahathir untuk mendapatkan sokongan rakyat amat bijaksana. Beliau melawat ke berbagai negeri dan berucap di hadapan rakyat yang beribu-ribu. Rakyat mendengar, bertepuk dan menjerit 'Hidup Mahathir' dan lepas itu pulang.

Demikianlah stail 'berkempen' yang dilakukan oleh Mahathir sewaktu krisis perlembagaan dulu. Kali ini sekali lagi beliau menemui rakyat untuk mendapatkan sokongan mereka.

Untuk pengetahuan tokoh-tokoh UMNO tempatan dan juga Barisan Nasional diadakan perjumpaan tertutup. Ceritanya sama saja. Cabaran terhadap kerajaan dalam selimut di samping mendapatkan sokongan mutlak, kalau boleh, dari pemimpin-pemimpin peringkat bawahan dan negeri. Secara tidak langsung Mahathir cuba meluaskan pengaruhnya dan secara tidak langsung memberi ingatan kepada mereka yang berhasrat menentang kepimpinan yang ada.

Waktu Musa menemui Dr. Mahathir di pejabatnya dikatakan pertemuan kedua pemimpin tertinggi UMNO mengambil masa satu setengah jam menurut Musa. Kata sumber Jabatan Perdana Menteri hanya 22 minit sahaja! Semua kakitangan, termasuk pegawai-pegawai kerajaan, yang terlibat sebagai pembantu-pembantu Datuk Musa, ditukarkan ke jabatan-jabatan lain. Ada juga yang diberhentikan sekiranya jawatan yang disandang itu adalah jawatan politik. Dengan kata lain, bila Encik Ghaffar Baba menjadi Timbalan Perdana Menteri maka beliau kenalah memilih sendiri para pembantunya hatta sampai ke jawatan budak pejabat sekali pun.

Perkembangan politik UMNO sekarang nampaknya kurang sihat lantaran ujudnya kem Mahathir, kem Tengku Razaleigh dan barang kali juga kem Ghaffar Baba sekiranya Encik Ghaffar bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri kelak. Kalau di masa lampau hanya

kem Tengku Razaleigh dan Musa yang 'bermusuhan' kini ditambah lagi dengan kem Mahathir. Kini yang ketara ialah perebutan kuasa antara kem Mahathir dengan Musa, dan banyak meramalkan perebutan antara kedua kem ini adalah lebih serius lagi. Sekiranya kurang berhati-hati, kurang bijaksana, besar kemungkinan UMNO menjadi lemah. Malah tanda-tanda kelemahan itu sudah ada sekarang.

Perlulah diingati bahawa Musa mempunyai pengaruh yang luas dalam UMNO. Begitu juga Tengku Razaleigh dan apalagi Mahathir. Oleh kerana yang berkrisis ialah antara Presiden dengan Timbalan Presiden UMNO, antara Perdana Menteri dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, maka kesannya amat buruk terutama sekali di kalangan ahli UMNO dan masyarakat Melayu amnya. Malah parti-parti komponen Barisan Nasional juga bimbang dengan perkembangan politik yang kurang sihat dalam UMNO kerana UMNO adalah parti terkemuka yang menentukan arah dan perkembangan politik Malaysia sejak 30 tahun kebelakangan ini.

Memanglah wajar kalau seorang pemimpin politik ingin meletakkan orang-orangnya di tempat-tempat yang strategik dalam pentadbiran parti maupun kerajaan. Itu adalah haknya. Tetapi tidaklah bermakna ia boleh menghapuskan langsung pengaruh tokoh-tokoh lain yang tidak sebulu dengannya. UMNO misalnya, bukanlah seperti parti komunis di mana suara rakyat ditekan dan kuasa terletak kepada pucuk pimpinan sahaja. Mahu tidak mahu, demi kepentingan UMNO dan bangsa Melayu, pucuk pimpinan mesti merangkumi

tokoh-tokoh dari berbagai sikap politik supaya UMNO dapat menyatupadukan ahli-ahlinya dari berbagai aliran fikiran.

Dengan meletakkan Sanusi Jonid sebagai Setiausaha Agung dan Daim Zainuddin sebagai Bendahari maka kedudukan Mahathir menjadi bertambah kuat. Apalagi Anwar Ibrahim, orang kuat Mahathir, menjadi Ketua Pemuda pula. Barangkali juga Mahathir ingin meletakkan orang-orangnya sebagai Menteri Besar untuk menggantikan Menteri-menteri Besar yang dianggap pro Musa. Juga barangkali cuba mendapatkan lebih banyak lagi ketua-ketua bahagian yang pro Mahathir supaya memudahkan beliau bergerak tanpa digugat oleh pencabarnya.

Kalau trend mencari pengaruh antara kem-kem yang bersaing ini terus menerus berlaku maka besar kemungkinan akan menimbulkan reaksi yang kurang sihat dari kalangan ahli-ahli UMNO sendiri. Akan berlaku syak wasangka antara satu dengan lain, intip mengintip, fitnah memfitnah antara kawan demi menegakkan wira masing-masing.

Siapakah yang rugi kalau UMNO berpecah-belah? Orang Melayu juga. Yang lemah ialah Melayu. Yang rugi juga Melayu. Yang disindir dan dipermain-mainkan oleh orang-orang lain juga Melayu. Yang hilang maruah juga bangsa sendiri. Kalau Melayu sudah hilang maruah, menjadi lemah, tidak dihormati oleh bangsa-bangsa asing maka tidak siapa pun - baik Mahathir maupun Musa - yang boleh mendabik dada dan berkata aku adalah wira orang Melayu! Jangan jadi Pak Pandir menang sorak kampung tergadai. Jangan pula mengambil sikap menang jadi abu kalah jadi arang.

Sikap konfrontasi antara kem Mahathir dan Musa akan menimbulkan serba salah di kalangan ahli-ahli UMNO terutama sekali bagi mereka yang tidak menyebelahi mana-mana pihak tetapi ingin melihat persefahaman antara kedua pemimpin itu. Sekiranya mereka tidak menyatakan berpihak Mahathir nanti dianggap pro Musa pula. Begitu juga sikap penyokong-penyokong Musa terhadap mereka yang duduk di atas pagar itu. Akibatnya ahli-ahli UMNO menjadi terlalu partisan dan ini akan meruncing lagi perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO.

Melihat keadaan yang agak menekan inilah dikatakan golongan Musa akan mengemukakan berbagai pertanyaan kepada Mahathir dalam Perhimpunan Agung kelak. Beberapa kes skandal yang melibatkan orang-orang Mahathir akan ditanya kelak. Juga berbagai pertanyaan tentang dasar "Pandang ke Timur" dan lain-lain yang bersangkutan dengan ekonomi, perdagangan dan pinjaman-pinjaman luar yang menelan berbilion ringgit itu. Pendek kata mereka akan membongkar berbagai perkara untuk meminta Mahathir menyakinkan para perwakilan tentang kewibawaannya sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Besar kemungkinan undi tidak percaya terhadap kepimpinan Mahathir akan diambil dalam Perhimpunan Agung ini sekiranya permusuhan kedua pihak menjadi terlalu sengit. Sekiranya Mahathir tidak dapat menyakinkan para perwakilan tentang berbagai pertanyaan yang dikemukakan kepadanya maka besar kemungkinan beliau akan jatuh sebagai Presiden UMNO. Dan kalau golongan Musa

dapat menyakinkan majoriti dari pada perwakilan itu maka besar kemungkinan Musa akan menggantikan tempat Mahathir sebagai Presiden yang baru.

Memang sukar golongan Musa hendak menjatuhkan Mahathir. Tidak pernah lagi dalam sejarah politik UMNO seorang Presiden jatuh hasil dari undi tidak percaya. Yang pernah berlaku ialah perletakan jawatan secara sukarela sepertimana yang dilakukan oleh Datuk Onn Jaafar apabila cadangannya untuk membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu tidak mendapat persetujuan dari majoriti ahli-ahli UMNO.

Sejarah politik UMNO pernah merakamkan penentang terhadap Perdana Menteri Presiden parti. Datuk Harun Idris sewaktu menjadi Ketua Pemuda pernah mencabar dan menggugat kepimpinan Tun Razak. Akhirnya beliau gagal juga untuk melemahkan kedudukan Tun Razak. Akibat dari tindakannya dan petualangan di kalangan para penyokongnya maka Datuk Harun terpaksa merengkuh di Penjara Pudu atas tuduhan korupsi.

Malah Musa dan Mahathir juga pernah menentang kepimpinan Tengku semasa peristiwa berdarah 13 Mei masih hangat dibicarakan orang. Akibatnya Mahathir dan Musa dipecat dari UMNO. Haji Sulaiman Palestin yang menentang Hussein Onn sebagai 'proxy' Datuk Harun yang berada di Pudu tapi gagal untuk mengalahkan Perdana Menteri itu.

Nyatalah bahawa tindakan secara konfrontasi tidak akan membawa faedah kepada mana-mana pihak terutama sekali yang menentang 'the establishment'. Musa tentulah sedar tentang itu kerana beliau sendiri pernah menjadi mangsa dari

tindakannya menentang kekuasaan Tengku. Mahathir tentulah arif bahawa amat sukar untuk menjatuhkan seorang pemimpin politik yang berjawatan Perdana Menteri. Dia pernah mengalami hal tersebut. Kini dia adalah Perdana Menteri dan pencabarnya adalah seorang sahabat yang senasib dengannya dulu. Dia tentulah yakin akan menang sekiranya golongan Musa cuba bertindak meruntuhkan kedudukannya yang penting dalam parti dan kerajaan itu.

Musa tentulah lebih arif lagi tentang watak Mahathir yang tidak suka ditentang itu. Wataknya yang *no nonsense* itu juga menimbulkan gerun pada kebanyakan orang. Apalagi beliau bukanlah seorang tokoh politik yang *flamboyant* dan suka pada berpelesenan. Hobinya juga berlainan dari orang lain. Beliau suka bertukang kayu, bukan golf, menunggang kuda polo dan memandu kapal terbang.

Kalau boleh mungkin Mahathir mahu mengikis saki baki pengaruh Musa dalam politik UMNO. Ini pun sukar sebab Musa juga mendapat simpati dari sebilangan besar ahli-ahli UMNO. Sebaik-baiknya janganlah mengamalkan sikap membalas dendam seperti yang pernah berlaku dalam **Sejarah Melayu** di mana sang raja membunuh Sang Rajuna Tapa kerana dianggap sebagai pembelot. Bukan saja Sang Rajuna Tapa dibunuh tetapi juga seluruh keluarganya. Malah bekas rumahnya juga dibuang ke dalam laut!

Kini nampak sekali ada usaha untuk 'membunuh' ketokohan Musa. Televisyen Malaysia dan TV3 juga boikot Musa. Dengar cerita menteri-menteri lain yang bersimpati dengan Musa pun kena 'gam'. Kalaupun mendapat tempat dalam

berita TV hanya sedikit dan amat singkat sekali.

Akhbar-akhbar juga seolah-olah kena 'bahadi' krisis Mahathir - Musa ini. Berita-berita Musa juga kurang malah jarang sekali mendapat tempat. Pendek kata ada usaha untuk menjadikan Musa sebagai *non person*.

Apakah sikap demikian baik dari segi perkembangan politik UMNO? Apakah para pemimpin UMNO terlalu taksud dengan kekuasaan hingga sanggup menjadikan musuh politik sebagai *non person*? Apakah sikap tekanan secara psikologi ini dapat melahirkan perpaduan dan kerjasama antara ahli-ahli UMNO?

Saya fikir tidak. UMNO sekarang tidak sekukuh seperti di zaman Tengku ataupun Tun Razak. Perpecahan dan keretakan jelas kelihatan. Sudah timbul perasaan putus asa, *fed up* dengan kepimpinan sekarang. Sudah timbul kegelisahan yang meluas di kalangan ahli-ahli UMNO akibat sengketa Mahathir - Musa.

Sebenarnya kini kewibawaan Mahathir yang disoroti secara kritis oleh ahli-ahli UMNO khususnya dan tokoh-tokoh Barisan Nasional amnya. Semua orang ingin tahu sejauh mana Mahathir dapat menerima cabaran terhadap kepimpinannya, dan apakah tindakannya sekiranya ada usaha untuk menjatuhkannya. Berbagai spekulasi timbul tapi tinggal sebagai spekulasi saja.

Musa ingin menyampaikan mesejnya kepada Mahathir melalui dua kenyataan akhbar. Pertama, beliau menyeru dinilai slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" dan "Kepimpinan Melalui Tauladan" itu. Kedua, beliau menyatakan bahawa beliau yakin Johor akan memberi kemenangan 100% kepada calon-calon Barisan.

Kenyataan yang pertama menunjukkan ada sesuatu yang tak kena dengan slogan-slogan tersebut sekarang ini. Secara tidak langsung ia membuat tafsiran bahawa kepimpinan kerajaan sekarang tidaklah sebersih seperti yang diingini. Musa meramalkan, seperti juga kebanyakan orang lain, bahawa besar kemungkinan banyak kerusi di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis akan jatuh ke tangan PAS dalam pilihanraya akan datang. Sekiranya ramalan ini tepat bermakna kepimpinan Mahathir akan dipertikaikan. Lebih-lebih lagi jika Johor dapat memberikan 100% kemenangan kepada calon-calon Barisan.

Kalau PAS benar-benar dapat menawan kebanyakan kerusi di empat buah negeri Melayu tersebut maka akan tergugatlah kedudukan Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Kalau Perdana Menteri gagal untuk mempertahankan kerusi-kerusi Barisan Nasional, khususnya UMNO, di empat buah negeri tersebut bagaimanakah beliau dapat memberi keyakinan kepada ahli-ahli UMNO dan parti-parti komponen BN yang lain tentang kepimpinannya itu?

Barangkali inilah yang diharapkan oleh Musa untuk meminta Mahathir mengundur diri secara terhormat dari arena politik sekiranya ia gagal membawa kemenangan yang gemilang kepada Barisan Nasional kelak. Banyak orang meramalkan bahawa dalam pilihanraya kali ini amat sukar bagi Barisan Nasional mendapat kerusi dua pertiga dalam Parlimen. Kebimbangan ini juga diluahkan oleh kebanyakan pemimpin UMNO juga.


Hanya inilah saja cara yang luhur dan bermaruah bagi golongan Musa mendesak Mahathir meletakkan jawatan Perdana Menteri

merangkap Presiden UMNO. Kalau BN gagal mendapat dua pertiga kerusi Parlimen bermakna majoriti rakyat Malaysia tidak begitu senang dengan kepimpinan dan dasar yang dijalankan oleh Mahathir. Sebagai pemimpin yang bermaruah barangkali Mahathir akan melepaskan jawatannya dengan sukarela.

Kalaulah hipotesis ini betul siapakah tokoh UMNO yang layak memimpin UMNO dan meneruskan perjuangan untuk kepentingan Melayu, Islam dan negara Malaysia amnya? Apakah Musa? Atau Ghaffar Baba? Atau seorang tokoh lain yang mendadak timbul di tengah-tengah keresahan dan kekusutan politik UMNO dan BN itu?

Atau barangkali juga Mahathir akan terus berkuasa walaupun BN tidak mempunyai kerusi dua pertiga dalam Parlimen. Tidak salah kalau Mahathir mahu terus berkuasa. Hanya kalau BN kalah dan PAS dan lain-lain parti mendapat kerusi yang lebih banyak di Parlimen maka barulah Mahathir boleh meletakkan jawatannya.

Cuma Allah saja yang dapat menentukannya.



Dr. Mahathir pernah dicap sebagai 'Ultra', disingkir dari UMNO, kini menjadi Perdana Menteri yang 'Pandang ke Timur'




Datuk Musa Hitam pernah dianggap 'ultra', disingkir dari UMNO, letak jawatan dari kabinet dan kini 'berkelana' sebagai Timbalan Presiden UMNO.



Encik Ghaffar Baba asal guru Melayu, gagah sebagai perancang politik UMNO, 'trouble shooter' nombor wahid, jadi ikutan jutawan kini sebagai Timbalan Perdana Menteri.



Encik Daim Zainuddin tak berminat dalam politik tapi menjadi Menteri Kewangan. Menjadi jutawan sebelum jadi menteri dan dianggap sebagai orang kanan PM.



Encik Anwar Ibrahim tokoh ABIM yang melonjak naik sebagai menteri. Orang kuat Dr. Mahathir dan kini menjadi Menteri Pelajaran.



Datuk Sri Sanusi Jonid dilantik oleh PM sebagai Setiausaha Agung UMNO. Dulu MP untuk Yan, pindah ke Jerlun-Langkawi. Apakah beliau akan pindah kawasan lagi?



Haji Yusof Rawa pemimpin PAS yang berjiwa sederhana. Pernah mengalahkan Dr. Mahathir di kawasan Kota Star. Apakah beliau dapat menghubungkan silaturrahim antara PAS dan UMNO?




Kalaulah hubungan Presiden dengan Timbalan Presiden UMNO terus-menerus semesra ini alangkah bahagiannya UNMO dan orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya.



Ustas Haji Hadi Awang tokoh radikal dalam PAS yang popular. Apakah beliau sanggup berjabat tangan dengan UMNO demi perpaduan umah?




Siapa kata Datuk Musa dan Tengku Razaleigh bermusuhan? Dalam politik mungkin berjauhan tapi sebagai sahabat karib bagaimana pula? Dalam gambar ini Tengku Li sedang menyalakan api rokok Datuk Musa, Ghaffar Baba tersenyum girang.




Ini dia Jambatan Pulau Pinang yang menelan belanja lebih dari \$800 juta yang dianggap terpanjang sekali di Asia. Jambatan politik ini dibina sewaktu negara sedang menghadapi kemelesetan. Ini juga adakah hasil dari dasar 'Pandang ke Timur.'



Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua bagi Malaysia. Seorang pemimpin yang banyak berjasa pada tanah air dan bangsa. Menjadi Perdana Menteri selepas peristiwa berdarah Mei 13, 1969.



Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga yang sanggup melepaskan jawatan Perdana Menteri atas alasan kesihatan. Di masa pemerintahannya bayang-bayang Datuk Harun menjelajahi Perhimpunan Agung UMNO. Beliau yang melantik Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kini Tun Hussein pula sering membuat kritik terhadap isu-isu politik tanah air setelah beliau meletakkan jawatan PM.




Orang-orang yang tidak penting bergambar sama dengan tokoh penting PAS, Ustaz Haji Hadi Awang di kediamannya yang sederhana di Rusila. Sebelah kanan Haji Hadi ialah Sdr. Bidin Beseri dari **Wafan**, Sdr. Rahman Shaari (UKM), Sdr. Ficky Haji Yaacob (Ketua Pengarang **Wafan**) dan penulis.



Datuk Harun Idris bekas Menteri Besar Selangor dan bekas Ketua Pemuda UMNO yang pernah menggugat dan mencabar kepimpinan Tun Razak. Banyak berjasa pada UMNO dan rakyat Selangor.


13مي - لوبق صراو - همالي - BMF - فرورخا داري منولق شريعة الله

Salah satu muzakarah PAS yang berjaya menghimpunkan ribuan orang dari berbagai golongan masyarakat. Sejalunya PAS berjaya mendapat derma ikhlas berjumlah beribu-ribu dari perjumpaan seperti ini. Apakah PAS boleh menubuhkan kerajaan baru di Malaysia kelak?






Ustaz Nakhaie Haji Ahmad, orang kuat PAS, bersama dengan pucuk pimpinan PAS berazam untuk membawa kemenangan kepada PAS.




Datuk Musa Hitam berjabat tangan dengan mesranya bila Datuk Joseph Pairin Kitingan, Presiden PBS, menemui beliau di pejabat Timbalan Perdana Menteri dahulu. Datuk Musa dikatakan banyak memberi ilham kepada PBS. Apakah ini benar?




Mengapa Encik Tan Koon Swan, Presiden MCA, bermuram durja? Barangkali mengenangkan nasibnya menghadapi 15 tuduhan penipuan dalam kes maha besar di Singapura. Dikenakan ikat jaminan sebanyak S\$40 juta yang dianggap paling tinggi sekali dalam sejarah ikat jaminan di dunia. Apakah kes Pan Electric ini akan mengheret tokoh-tokoh lain juga dalam pembicaraan kelak?



Siapa kata Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam kurang mesra? Nah, tengok gambar ini yang diambil dalam masa Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1983 yang lalu. Ada juga orang lain berkata dulu lain, sekarang lain.



Gambar Dr. Mahathir memberi ucapan dalam rapat umum Parti Berjaya di kota Kinabalu, Sabah. Kata Dr. Mahathir "BN will sink or swim with Berjaya." Malangnya Berjaya kalah teruk dan BN terpaksa menerima PBS sebagai anggota barunya termasuk juga USNO.



Ini wajah dua wira muda dari Pulau Pinang. Seorang bernama Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda UMNO dan seorang lagi Datuk Abdullah Ahmad Badawi, salah seorang Naib Presiden UMNO. Anwar Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Menteri Pertahanan. Kedua-duanya bercita-cita besar dan kedua-dua amat penting pada UMNO.

4

DILEMA MAHATHIR DALAM KEPIMPINAN

Kemunculan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Hussein Onn disambut dengan penuh harapan oleh rakyat Malaysia. Orang Melayu, terutama sekali, menganggap Dr. Mahathir akan membawa perubahan yang lebih besar dan bererti untuk menjaga kepentingan Melayu. Kalau dinilai dari buah fikirannya yang tercetus dalam bukunya yang kontroversial **The Malay Dilemma** maka (Mahathir adalah pemimpin yang dinanti-nantikan oleh orang-orang Melayu.)

Kepada bukan Melayu pula kemunculan Mahathir sebagai Perdana Menteri menimbulkan kebimbangan. Mereka takut kalau Mahathir masih berpegang pada idea-idea yang ditumpahkannya dalam **Malay Dilemma** itu bermakna ia adalah seorang 'ultra' Melayu yang amat ditakuti. Dunia Perdana Menteri bukanlah dunia seorang idealis, seorang *romanticist*. Mahathir dapat mententeramkan keadaan dengan sikap politiknya yang lebih terbuka. Bukan Melayu yang sebelum-

nya berasa bimbang sedikit demi sedikit menghargai kepimpinan beliau. Diamisme dan perubahan dari segi mental yang diketengahkan oleh Perdana Menteri menarik perhatian ramai. Malah beliau secara terus terang memperlihatkan hasratnya untuk membina perpaduan kaum yang lebih baik lagi.

Sedikit demi sedikit Mahathir memperlihatkan dirinya bukan hanya sebagai pemimpin Melayu dan Bumiputera tetapi juga adalah pemimpin seluruh rakyat Malaysia dari berbagai suku kaum. Mahathir dianggap sebagai pencetus revolusi mental untuk 'mengoverhaul' sikap kerja kakitangan kerajaan yang dianggap tidak produktif dari segi kepentingan negara. Lalu berlakulah *clock-in* yang bertujuan untuk memberi disiplin kepada kakitangan kerajaan.

Barangkali ada orang menganggap *clock-in* ini soal remeh, kecil. Tidak begitu saya kira. Memang sebelum *clock-in* dilancarkan banyak kakitangan kerajaan, termasuk pegawai-pegawai tinggi, yang datang lambat ke pejabat. Setengah pegawai tinggi masih bermain golf dulu dan datang ke pejabat lambat. Urusan orang ramai dengan jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian tidak begitu beres lantaran banyak pegawai yang menjalankan tugas tanpa dedikasi dan ambil lewa saja. Dengan adanya *clock-in* sudah banyak berubah dan disiplin semakin terpelihara.

Kepentingan rakyat amat penting diperjuangkan. Kalau kebanyakan rakyat tidak memilih Barisan Nasional nescaya kerajaan Barisan tidak akan lama bertahan. Rakyat masih memberi kepercayaan kepada Barisan kerana rakyat percaya kepada pucuk pimpinan Barisan yang dipimpin oleh orang

Melayu. Bilamana rakyat sudah muak dan hilang kepercayaan sepertimana yang pernah berlaku dalam pilihanraya tahun 1969 dulu maka akibatnya meletuslah perebutan kuasa antara pihak Perikatan/Barisan dengan parti-parti pembangkang yang memperolehi kerusi yang agak banyak di waktu itu. Akibatnya pertumpahan darah orang-orang yang tidak berdosa hasil dari tindak-tanduk para pemimpin politik yang tidak berpandangan jauh dan tidak bertanggungjawab.

Mahathir tentulah sedar hakikat ini. Justeru itu untuk mengekalkan hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat maka beliau ajukan saranan melalui penswastaan. Penswastaan bermaksud memberi peluang kepada syarikat-syarikat dan juga individu-individu untuk menyertai berbagai projek kerajaan. Harapannya ialah agar partisipasi dari pihak swasta akan mempercepatkan proses kemajuan dan kemodenan masyarakat Malaysia sesuai dengan kemajuan dunia sekarang.

Pengswastaan tidak mendapat tentangan dari rakyat. Malah banyak mengharapkan dasar tersebut dapat meningkatkan lagi produktiviti, membawa lebih banyak lagi kemudahan kepada rakyat terbanyak. Lalu timbullah berbagai syarikat yang tiba-tiba menjadikan raksaksa dan terkenal seperti Promet, Shahpadu, Shahabuddin, Antah Bi-water dan lain-lain lagi. Ada yang bekerjasama dalam bentuk 'joint-venture' (atau 'jualsama?') dengan Jepun, Korea (ini yang sesuai dengan dasar 'Pandang ke Timur) dan sedikit saja yang ingin 'ber-joint-venture' dengan Britain sebab ada dasar 'orang putih last sekali'!

Sikap "Pandang ke Timur" dan "buy British last" menjadikan Perdana Menteri seorang tokoh yang

kontroversial di kalangan peniaga-peniaga British dan juga kerajaan British. Barangkali Dr. Mahathir memberi arahan demikian kerana ingin 'mengajar' Mat Salleh yang pernah menjajah negara kita di zaman lalu. Atau barangkali juga hendak menunjukkan bahawa dasar politik dan ekonomi Malaysia sekarang ialah lebih mengutamakan Jepun dan Korea dari Britain dan lain-lain negara barat lainnya.

Malaysia berhak untuk melaksanakan apa saja dasar politik dan ekonominya dengan bebas. Malaysia adalah negara yang berdaulat dan merdeka. Kalau 'Pandang ke Timur' dianggap dasar politik-ekonomi yang lebih menguntungkan Malaysia maka tidak siapa pun boleh mempersoalkan kebijaksanaan Perdana Menteri. Dr. Mahathir menganggap kemunculan Jepun dan Korea sebagai negara industri berat yang maju selepas Perang Dunia Kedua dan selepas Perang Korea (bagi negara Korea) menjadikan semacam tarikan kepada beliau untuk mencontohi Jepun dan Korea. Dalam masa yang sama juga cuba mengikis hubungan politik-ekonomi dengan Britain!

Ada usaha lain yang dilaksanakan oleh Malaysia yang 'melukakan' hati Britain. Kebijaksanaan Malaysia merancangkan *dawn raid* untuk menguasai syarikat gergasi *Guthrie* memeranjat dan memalukan Britain kerana Malaysia, bekas tanah jajahannya, kini dapat menguasai sebuah syarikat antarabangsa kepunyaan British yang terkemuka. Malaysia berasa puas hati walaupun terpaksa mengeluarkan beratus juta ringgit untuk menguasai syarikat British tersebut.

Dikatakan juga bahawa Malaysia adalah pembeli

mysterious bijih timah di London hingga harganya melambung naik. Dikatakan tidak kurang dari \$500 juta dikeluarkan untuk membeli bijih timah tersebut dengan harapan dapat menjual semula dengan harga yang lebih tinggi kelak. Yang diharap tidak tercapai, yang tersimpan menjadi bebanan negara pula. Bilamana Amerika Syarikat melepaskan sebahagian dari simpanan bijih timahnya maka harga bijih timah di pasaran antarabangsa pun jatuh. Terlalu banyak barangan tersebut dalam pasaran tapi pembelinya tidak banyak. Akibatnya Malaysia dan negara-negara pengeluar bijih timah menanggung kerugian besar.

Tindak balas dari kerajaan British dan Amerika ialah dengan menjalankan dasar *protectionism* yang lebih ketat lagi. Sikap anti Barat yang menjadi sasaran Mahathir itu secara tidak langsung menyebabkan barangan-barangan komoditi Malaysia menghadapi saingan hebat dan terpaksa dijual dengan harga yang murah. Kini dikatakan banyak syarikat British melabur di Indonesia untuk membuka ladang kelapa sawit. Di Indonesia mereka diberi berbagai kemudahan untuk memajukan ladang-ladang kelapa sawit mereka termasuklah buruh murahan di negara tersebut. Diramalkan dalam masa lima tahun akan datang ini Malaysia akan menghadapi saingan yang lebih hebat lagi dari Indonesia dan juga Thailand dari segi hasil kelapa sawit.

Golongan Musa berpendapat bahawa pendedahan skandal BMF di Hong Kong itu adalah sebagai *British conspiracy* untuk menjatuhkan imej kerajaan Malaysia. Skandal BMF yang merugikan negara sebanyak \$2.5 billion itu memang menggemparkan seluruh rakyat dan memalukan negara

sendiri. Mahathir sendiri menganggap orang-orang yang terlibat dengan skandal itu sebagai "pengkhianat bangsa". Satu Suruhanjaya yang diketuai oleh Tan Sri Ahmad Nordin, bekas Ketua Juruodit Negara, dilantik untuk membuat penyiasatan. Setelah sekian lama dan setelah didesak oleh berbagai golongan masyarakat barulah hasil penyiasatan BMF yang kontroversial itu diterbitkan dalam 13 jilid.

Secara langsung beberapa orang pengarah BMF terlibat untuk menggelapkan wang rakyat melalui skandal BMF itu. Mereka termasuklan Esme Lorraine Osman, Datuk Shamsuddin Hashim, Dr. Rais Saniman, Ibrahim Jaafar (yang kini menjadi saksi pihak pendakwa untuk menyelamatkan dirinya). Beberapa nama yang lain, termasuk juga menteri, dikaitkan secara tidak langsung dalam kes ini.

Ahmad Nordin yang dianggap sebagai wira oleh rakyat Malaysia kerana berpegang pada prinsip dan kejujurannya telah disalahtafsirkan oleh pihak Perdana Menteri sebagai melampau batas tugas yang diserahkan kepadanya oleh kerana Tan Sri Ahmad mendesak supaya diumumkan hasil penyiasatan itu dengan segera. Ini menyebabkan orang ramai lebih bersimpati dengan Ahmad Nordin dan secara tidak langsung menganggap ada sesuatu yang hendak disembunyikan oleh kerajaan berkepaan dengan skandal tersebut.

Imej Malaysia menjadi semakin buruk lagi bila mana kes ini didedahkan pula di London dewasa ini untuk menarik keluar Lorraine dan Hashim Shamsuddin dari London bagi menghadapi tuduhan dan tindakan mahkamah di Hong Kong kelak. Pendedahan yang dibuat oleh akhbar-akhbar British dan juga di Malaysia serta Singapura

tentulah menjejaskan imej kepimpinan kita sekarang.

Skandal BMF ini tidak boleh dipandang remeh oleh kerajaan. Rakyat Malaysia mengutuk setiap orang yang terlibat dengannya baik secara langsung atau pun tidak. Wang itu adalah wang rakyat Malaysia. BMF, sebagai anak syarikat Bank Bumiputera, adalah bertanggungjawab bukan saja terhadap Bank Bumiputera tetapi juga rakyat Malaysia. Lebih-lebih lagi wujudnya Bank Bumiputera adalah hasil dari Kongres Ekonomi Bumiputera yang melahirkannya. Bank Bumiputera wujud kerana semangat dan desakan orang-orang Melayu dan ia berkembang atas hasrat dan perjuangan luhur orang-orang Melayu.

Dengan kata lain, setiap kakitangan lebih-lebih lagi para pengarah dan pegawai-pegawainya, adalah memegang kepercayaan bangsa Melayu. Ini harus disedari oleh semua kakitangan Bank Bumiputera dan anak-anak syarikatnya. Tapi bilamana berlaku skandal BMF yang merugikan negara dan memalukan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia amnya maka kerajaan dianggap lambat mengambil tindakan tegas.

Apakah kesannya dari skandal BMF itu terhadap kepimpinan Melayu? Skandal tersebut menyebabkan orang bukan Melayu (termasuk juga Melayu) beranggapan bahawa Melayu itu tidak amanah, tidak jujur dan sanggup mengkhianati bangsa sendiri kerana wang ringgit. Skandal itu juga seolah-olah memberi kesan bahawa orang Melayu tidak bermaruah, korup dan mudah diperdaya.

Banyak orang berpendapat dan secara sinis berkata kalau skandal BMF sebanyak \$2.5 billion itu pun cuba didiam-diamkan apalah halnya

dengan lain-lain skandal dan penyelewengan. Malah Bank Bumiputera sendiri disindir oleh para peminjamnya yang berkata, "BMF sanggup memberi hutang \$2.5 billion kepada George Tan dengan mudah. Mengapa dengan bangsa sendiri Bank Bumi terlalu mengenakan syarat yang ketat?" Demikianlah *credibility* kepimpinan Melayu tercemar akibat perbuatan penyelewengan, korupsi dan penyalahgunaan kuasa oleh setengah pemimpin masyarakat dan pegawai-pegawai Melayu.

Sedang skandal BMF masih hangat timbul pula skandal penipuan yang melibatkan seorang pemimpin tinggi MCA. Kes Pan Electric di Singapura menyebabkan Tan Koon Swan, Presiden MCA, ditangkap atas 15 tuduhan penipuan dan manipulasi saham-saham Pan El. Beliau dikenakan ikat jamin sebanyak \$40 juta Singapura - suatu rekod ikatjamin yang tertinggi sekali dalam sejarah kes jenayah seumpama ini.

Memanglah keputusan mahkamah belum dibuat lagi terhadap 15 tuduhan tersebut. Tetapi dari segi moral tentulah tidak wajar bagi seorang yang sedang menghadapi 15 tuduhan penipuan terus menerus menjadi Presiden MCA. Orang ramai bertanya di manakah letaknya moral pemimpin MCA itu? Bolehkah Tan Koon Swan menyakini masyarakat Cina terutama sekali tentang *credibility* nya sebagai seorang pemimpin Cina? Tidakkah tuduhan-tuduhan tersebut menjejaskan harapan BN untuk menghadapi rakyat dalam pilihanraya akan datang?

Banyak berpendapat MCA akan menghadapi zaman gerhananya dalam pilihanraya kali ini oleh kerana masyarakat Cina meragui kewibawaan dan

credibility Tan Koon Swan sebagai pemimpin mereka setelah peristiwa Pan El itu.

Banyak orang berpendapat adalah kurang bijaksana bagi Dr. Mahathir melawat rumah Presiden MCA itu selepas Tan kembali dari Singapura. Amat baik, kata kebanyakan orang, bagi Tan Koon Swan menemui Mahathir di pejabatnya ataupun di kediamannya. Setengah orang UMNO bimbang dengan kehadiran Mahathir di rumah Tan Koon Swan itu boleh menimbulkan tafsiran yang Perdana Menteri "bersekongkong" dengan Tan! Dan berbagai andaian lain boleh dibuat oleh parti-parti pembangkang tentang pertemuan tersebut.

Masalah Mahathir bukan saja ujud dalam tubuh UMNO tetapi juga di kalangan komponen Barisan Nasional. Kini MCA sudah mendesak supaya dihapuskan langsung akta pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri Pelajaran untuk menukarkan bahasa pengantar sekolah-sekolah Cina dan Tamil kepada pengantar Bahasa Malaysia. Sejak lahirnya akta tersebut hingga sekarang Menteri Pelajaran tidak pun pernah menggunakan kuasa tersebut.

Tapi MCA menganggap akta tersebut menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat Cina. Alasan mereka orang-orang Cina takut dihapuskan sekolah berbahasa Cina dan kebudayaan Cina kelak!

Ini hanya alasan bagi MCA untuk memulihkan kepercayaan masyarakat Cina terhadap kepimpinan Tan Koon Swan yang sedang menghadapi tindakan mahkamah di Singapura itu. MCA perlu mencari berbagai isu yang menyentuh kepentingan Cina untuk diperjuangkan. Secara tidak langsung DAP juga turut membakar semangat orang-orang

Cina dengan tuntutan yang berbau perkauman Cina. Justru itu timbullah sekarang ini berbagai isu yang menyangkut kepentingan kaum tersebut misalnya bantuan dan pemulihan Kampung-kampung Baru dan juga pengiktirafan diploma dan sijil-sijil Kolej Tengku Abdul Rahman.

Di tengah-tengah kemelesetan ekonomi dan krisis kepimpinan dalam UMNO ini timbul pula cerita Gerakan yang ingin mendesak supaya ia diberi kerusi yang lebih banyak lagi dalam pilihanraya akan datang. Malah Gerakan juga terlalu *overconfident* bahawa ia boleh 'menguasai' semula Pulau Pinang sekiranya ia diberi kerusi yang lebih banyak dari MCA. Malah tokoh Gerakan pula membuat semacam ugutan akan keluar dari BN atau bertanding dengan menggunakan lambang sendiri sekiranya tidak dilayani permintaan parti tersebut.

Walaupun akhirnya Dr. Lim Keng Yik berkata bahawa ia tidak bermaksud keluar dari BN namun orang ramai tahu ada sesuatu yang tidak kena pada Gerakan. Barangkali juga Gerakan menjadi terlalu juak setelah melihat bagaimana PBS menempelak Perdana Menteri tentang Formula Sabah tersebut. Kalau PBS yang bukan anggota BN berani mencabar Perdana Menteri dan tidak mahu menandatangani Formula Sabah itu maka ini memberi indikasi bahawa kedudukan Mahathir sebagai Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO agak lemah.

MCA dan Gerakan juga PPP beranggapan seolah-olah mereka boleh mencapai segala maksud mereka sekiranya mereka mendesak pada waktu krisis UMNO ini. Mereka beranggapan Mahathir akan mengalah setelah ia sedar bahawa BN dalam

keadaan yang lemah dari segi kepimpinan. Mereka juga sedar krisis Mahathir - Musa akan berlanjutan paling tidak hingga menjelang Perhimpunan Agung tahun 1987 kelak.

Indikasi bahawa Barisan Nasional itu lemah dapat disaksikan dari keputusan pilihanraya Negeri Sabah pada tahun 1985 yang lalu yang memungkinan PBS berkuasa menggantikan Berjaya tetapi sentimen rakyat sudah berubah. Setelah berlaku pembakaran, pengeboman hingga terpaksa diadakan perintah berkurung di Kota Kinabalu dan Penampang namun rakyat tetap juga memilih PBS dengan memberikan majoriti yang lebih besar kepada parti Kristian dan Kadazan tersebut.

Kini PBS bersama USNO menjadi anggota baru BN. Mahathir tidak ada alasan untuk menolak PBS dari menganggotai Barisan kerana PBS sudah mendapat simpati yang meluas terutama sekali di kalangan parti-parti komponen bukan Bumiputera. Memang terasa kebimbangan di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputera Islam bahawa PBS yang dikuasai oleh Kadazan dan Kristian itu akan menindas dan mendiskriminasi orang-orang Melayu dan Bumiputera Islam lainnya di Sabah.

Tapi apakah pilihan lain bagi Mahathir? Tidak ada. Dari satu sudut penyertaan PBS dalam BN akan memudahkan BN menegur segala tindak-tanduk PBS sekiranya parti Sabah itu berlaku kurang adil terhadap masyarakat Islam di Sabah. Tapi apakah Mahathir sanggup menegur PBS setelah parti itu memenangi kerusi yang banyak dalam Dewan Undangan Negeri Sabah. Mahathir tentulah bimbang sekiranya PBS tidak bekerjasama dengan BN maka besar kemungkinan 20 kerusi Parlimen dari Sabah boleh terjejas. Dalam keadaan

yang genting ini Mahathir amat memerlukan setiap suara bagi mendapatkan dua pertiga dalam Parlimen kelak.

Keadaan di Sarawak juga membimbangkan Mahathir. Kedudukan Datuk Patinggi Taib Mahmud juga goyang. Nampaknya konflik antara Ketua Menteri dengan tokoh-tokoh penting dalam Parti Bumiputera Bersatu semakin meruncing. Keresahan dan kegelisahan parti-parti komponen BN di Sarawak juga lebih ketara hari ini.

Inilah dilema yang dihadapi oleh Mahathir hasil daripada krisis kepimpinan dalam UMNO yang secara langsung ataupun tidak langsung mengugat keutuhan BN.

Bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri kini dilantik Ghaffar Baba menggantikan Musa. Ghaffar sebagai *trouble shooter* UMNO/BN memang terkenal, dan beliau seorang tokoh yang disegani ramai baik dari kalangan bukan Melayu maupun Melayu sendiri. Barangkali Ghaffar dapat membantu Mahathir untuk 'mententeramkan' desakan dan sungutan di kalangan parti-parti komponen menjelang pilihanraya akan datang.

Ghaffar sangat bertuah sekali diberi jawatan tersebut memandangkan perkhidmatannya yang lama untuk UMNO dan juga kerajaan. Walaupun Hussein Onn tidak memilihnya untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri namun demikian beliau tetap setia dan tetap dihormati ramai sebagai tokoh politik nasional.

Tambahan pula Ghaffar bukan saja terkenal di bidang politik tetapi juga dalam bidang perniagaan yang bertaraf antarabangsa. Beliau adalah pengerusi Pegi yang mempunyai sebahagian besar

saham dalam Dunlop Industries Berhad. Dalam keadaan ekonomi yang meleset seperti sekarang ini tentulah Ghaffar dapat memainkan peranannya yang positif untuk memulihkan ekonomi secara positif.

Setakat ini nampaknya Ghaffar benar-benar menjalankan peranannya sebagai pembantu kanan Perdana Menteri. Tentulah kedudukannya akan lebih terserlah lagi sekiranya BN memperolehi kemenangan yang gemilang dalam pilihanraya kelak. Sekiranya BN tidak memperolehi suara dua pertiga kelak maka bukan saja kedudukan Ghaffar akan terancam tetapi juga Perdana Menteri.

Orang-orang Musa akan melihat sejauh mana Ghaffar dapat membantu kepimpinan Mahathir. Tentulah Ghaffar tidak akan bermain kayu tiga untuk menyelamatkan Mahathir. Ghaffar juga tentulah tidak akan membantu Musa untuk masuk kembali ke dalam kabinet. Kalau begitu tentulah Ghaffar tidak mempunyai harapan untuk kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Jadi Ghaffar akan memperjuangkan kepimpinan Mahathir. Dia tidak akan mencabarnya, dan barang kali juga dia sendiri sedar yang latarbelakang akademiknya tidak memungkinkan untuk memberi *credibility* kepadanya untuk menjadi Perdana Menteri. Cukup dengan jawatan sekarang yang tiba-tiba jatuh ke riba!

Tapi Ghaffar juga seorang yang bercita-cita tinggi. Sebagai tokoh politik yang juga seorang ahli perniagaan Ghaffar sudah tergolong sebagai juwatan. Tentulah ada konflik kepentingan sebagai politikus dan ahli perniagaan kalau beliau mahu berjaya dalam dua sektor yang penting ini. Nampaknya sekarang Ghaffar boleh dan rela mening-

galkan sektor perniagaan dan menumpukan sepenuh masa pada politik dan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Besar kemungkinan beliau akan terus menerus memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri ini walaupun selepas pilihanraya akan datang sekiranya BN berkuasa lagi. Tidak mungkin Ghaffar akan melepaskan peluang yang baik ini untuk mengekalkan rekod perkhidmatannya dalam parti dan kerajaan sejak beliau berkecimpung dalam UMNO sejak tahun 1946 yang lalu.

Dengan adanya Ghaffar, Mahathir berasa lega untuk menghadapi cabaran dalam UMNO dan juga dari parti-parti komponen BN. Ghaffar terhutang budi pada Mahathir kerana memberi jawatan yang penting itu. Ghaffar tidak akan mengkhianati Mahathir.

Tapi Musa akan berazam untuk mencabar Mahathir dalam pemilihan Majlis Tertinggi yang baru pada tahun 1987 nanti. Dengan adanya Ghaffar sebagai Timbalan Perdana Menteri tentulah Ghaffar akan bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden. Besar kemungkinan Musa akan *go for broke* untuk merebut jawatan Presiden UMNO kelak. Sekiranya beliau masih hendak mempertahankan kedudukannya sebagai Timbalan Presiden bermakna Musa terpaksa menghadapi Ghaffar Baba yang tentu sekali akan mencuba nasibnya bagi merebut jawatan yang disandang oleh Musa sekarang. Sekiranya Ghaffar tidak merebut jawatan Timbalan Presiden maka tentulah tidak kena bagi beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri walhal kedudukan parti hanya sebagai salah seorang Naib Presiden.

Sekiranya *Musa bertanding jawatan Presiden

UMNO Tengku Razaleigh tidak akan menjadi saingannya. Tengku Razaleigh sedar bahawa ia tidak mahu dianggap sebagai pencabar Mahathir kelak. Mahathir telah pun memberi tempat kepadanya sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan walaupun ia hanya sebagai seorang ahli biasa dan bukan sebagai anggota MKT yang dicalonkan oleh para perwakilan.

Saya yakin Tengku Razaleigh akan bertanding salah satu dari tiga jawatan Naib Presiden parti sekiranya Ghaffar Baba mahu bertanding sebagai Timbalan Presiden. Besar kemungkinan para perwakilan UMNO akan merestui Tengku Li sekiranya beliau bertanding sebagai Naib Presiden dan bukan sebagai Timbalan Presiden ataupun Presiden.

Ada juga setengah orang Musa yang menganggap Tengku Razaleigh boleh dipujuk untuk berkerjasama dengan Musa untuk menumpas Mahathir. Agak sukar untuk menerima hakikat ini memandangkan kepada krisis kepimpinan UMNO yang ada kaitan dengan penyertaan Tengku Li dalam kabinet Mahathir.

Kalaupun Tengku Li hendak mencuba nasibnya sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri maka kenalah ia bersemuka dengan Ghaffar Baba kelak. Kalau Musa menentang Mahathir maka Tengku Li kenalah menentang Ghaffar. Akan timbul tanda tanya apakah Tengku Li dapat menundukkan Ghaffar memandangkan Ghaffar sudah pun menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seorang yang sangat dihormati oleh parti-parti komponen BN dan juga UMNO?

Risiko yang bakal dihadapi oleh Tengku Li amat besar sekiranya ia gagal menumpaskan Ghaffar. Mahathir pasti tidak akan menerimanya lagi dalam

kabinet yang baru sekiranya ia bekerjasama dengan Musa untuk menggulingkan kepimpinan sekarang. Memang benar Tengku Li tidak kurang pengaruhnya dalam UMNO. Dia juga popular di kalangan parti-parti komponen dalam BN. Soalnya apakah perwakilan UMNO sanggup menerima seorang anak raja menjadi bakal Timbalan Perdana Menteri kelak? Apakah tidak mungkin statusnya sebagai orang bujang itu boleh diterima baik oleh masyarakat Melayu yang masih tebal ikatannya dengan adat dan tradisi Melayu?

Dari kem Tengku Li juga terdapat perasaan kurang senang terhadap kepimpinan Mahathir. Dari sumber-sumber orang Kelantan dikatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan sendiri tidak begitu seia sekata dengan Perdana Menteri sekarang sejak berlakunya krisis Perlembagaan dulu. Tapi apakah sokongan terhadap Tengku Li itu cukup kuat bagi membolehkan beliau merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO kelak?

Nyatalah sekiranya Musa menjadi Presiden UMNO dan Tengku Li sebagai Timbalan Presiden selepas 1987 bermakna Mahathir dan Ghaffar Baba tidak akan memegang jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri lagi. Sejarah politik Malaysia akan turut berubah menurut dasar dan idealisme Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Yang penting dipersoalkan ialah apakah kedua tokoh UMNO ini boleh bekerjasama? Sekiranya boleh apakah kedua mereka boleh menumpaskan Mahathir dan Ghaffar Baba dalam Perhimpunan Agung tahun 1987 nanti?

Nampaknya menjelang tahun 1987 ini Mahathir akan menghadapi berbagai masalah yang meminta

perhatiannya yang serius. Isu-isu yang timbul benar-benar mencabar kepimpinannya. Bagaimanapun ia tidak boleh membiarkan isu-isu itu merebak luas tanpa kawalan kerana sedikit sebanyak boleh menggerhanai juga ketokohan dan kepimpinannya itu.

5

PERISTIWA MEMALI DAN CABARAN PAS

Kampung Memali yang jauh terpencil tiba-tiba menjadi terkenal seluruh dunia bila 18 orang terbunuh termasuk empat orang anggota polis. Ibrahim Libya, bekas calon PAS yang menjadi pemimpin para pejuang yang menentang pemerintah, turut terkorban. PAS menganggap 14 orang kampung yang terbunuh sebagai 'mati syahid'. Kerajaan menganggap mereka sebagai golongan yang membawa ajaran sesat dan kematian mereka bukanlah 'syahid'.

Syahid ataupun tidak bukanlah soal kita. Allah saja yang Maha Mengetahui. Tapi peristiwa berdarah pada 19hb. Oktober 1985 itu menggemparkan masyarakat Malaysia. Terasa sekali ketegangan antara PAS dan UMNO dan habanya juga dirasakan oleh orang-orang bukan Melayu.

Rupa-rupanya semangat penentangan terhadap kerajaan itu menjadi obor kepada PAS. Di mana saja PAS berucap peristiwa Memali tetap dijadikan

api pembakar semangat. Anak-anak yatim dari mereka yang terkorban dikatakan dibawa oleh orang-orang PAS untuk menarik simpati orang ramai terhadap perjuangan PAS dan Islam. Akibatnya banyak orang yang bersimpati dengan anak-anak yatim itu. Derma mencurah-curah datang.

Mengikuti satu sumber PAS dalam satu majlis ceramah yang dihadiri beribu-ribu orang PAS dan para penyokongnya di Kelantan parti itu tetap berjaya memungut tidak kurang dari \$170,000-00 untuk membantu anak-anak yatim itu. Di mana-mana saja para penyokong PAS berkumpul mendengar ceramah derma tetap mencurah datang. PAS hari ini bukan lagi sebuah parti yang miskin, kata beberapa orang PAS.

Kubu kuat PAS masih lagi di Kelantan dan Terengganu dan kian merebak dengan pesatnya di Kedah, Perlis, Perak dan Selangor. Malah dikatakan PAS berusaha bersungguh-sungguh untuk menumbangkan Mahathir di Kubang Pasu dalam pilihanraya yang akan datang.

Nampaknya perkembangan politik PAS tidak hanya di empat buah negeri yang majoritinya Melayu. PAS sudah menarik perhatian orang-orang kotaraya Kuala Lumpur. Di mana saja ada ceramah PAS di ibu kota ribuan orang menghadirinya. Dan seperti biasa derma beribu-ribu ringgit diberikan kepada parti tersebut.

Ini adalah satu perkembangan baru yang menguntungkan PAS tapi membimbangkan UMNO. Kalangan UMNO Kelantan menganggap besar kemungkinan PAS akan kembali berkuasa di negeri itu oleh kerana banyak pihak tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO di Kelantan. Dikatakan

juga bahawa Menteri Besar Kelantan, Datuk Hj. Mohammad Yaakob, tidak seia sekata dengan DYMM Sultan Kelantan. Lebih-lebih lagi UMNO Kelantan juga agak berpecah-belah akibat dari konflik antara kem Musa dan Tengku Li di situ.

Terengganu juga diramalkan akan jatuh kepada PAS sekiranya pucuk pimpinan UMNO Negeri tidak berhati-hati. Nampaknya ketokohan Haji Hadi Awang, Pesuruhjaya PAS Terengganu dan salah seorang Naib Presiden PAS, boleh menggerhanai setengah pemimpin UMNO di Terengganu. Besar kemungkinan, kata sumber-sumber UMNO sendiri, beberapa kerusi UMNO akan jatuh ke tangan PAS sekiranya PAS tidak dapat memerintah negeri yang kaya dengan minyak itu.

Banyak berpendapat peristiwa berdarah di Memali itu sungguh memalukan kerajaan. Tidak perlu melancarkan secara kekerasan untuk menundukkan Ibrahim Libya dan para pengikutnya, demikian pendapat orang ramai. Cukup untuk mengadakan sekatan jalanraya dan meletakkan perintah berkurung beberapa hari untuk melemahkan orang-orang di kampung tersebut. Banyak berpendapat tayangan video tentang peristiwa Kampung Memali tidak menguntungkan kerajaan malah menimbulkan berbagai pertanyaan yang lain pula.

Dikatakan peristiwa tersebut menimbulkan kebencian masyarakat Melayu terhadap pemerintah kerana tindakan polis dianggap kejam dan singkat fikiran. PAS tentulah mengeksploitasikan peristiwa itu untuk kepentingan politiknya. Orang banyak bersimpati PAS dan imej kerajaan memang merosot selepas peristiwa tersebut.

Bagaimanakah kerajaan ingin mempertahankan

credibilitynya sebagai negara Islam walhal pejuang-pejuang Islam dibunuh dengan kejamnya di Memali? Dr. Mahathir terkenal sebagai juara negara-negara Islam dan suaranya lantang dalam forum antarabangsa menggesa perpaduan ummat Islam untuk menentang musuh-musuh Islam yang sebenar. Beliau juga menggesa dihentikan peperangan yang tidak berfaedah antara Iran-Iraq itu.

Tapi di Kampung Memali yang terpencil di mana rakyatnya rata-rata hidup miskin pasukan polis yang beratus-ratus jumlahnya bersama kereta perisai sanggup membunuh orang-orang Islam sendiri! Inilah ironi mainan politik.

Kekuatan PAS tidak dapat dihancurkan dengan peristiwa Memali maupun peristiwa Lubuk Merbau. Penahanan beberapa orang tokoh PAS di bawah ISA juga tidak melemahkan semangat para pejuangnya. Malah PAS menjadi semakin kuat untuk menggerakkan rakyat menyokongnya.

Sikap Mahathir terhadap PAS pada mulanya menentang habis-habisan. Beliau sedar PAS adalah ancaman terbesar kepada UMNO dan kepada kepimpinannya. PAS tidak cukup menjadi parti pembangkang sahaja. Kini ia sudah memperlihatkan sikapnya untuk menjadi parti alternatif kepada UMNO dan BN untuk memerintah negara ini.

Melalui CCC (Chinese Consultative Committee) tokoh-tokoh PAS telah berhasil mempengaruhi masyarakat Cina tentang perjuangan PAS yang sebenar. Dakyah-dakyah UMNO yang menganggap PAS adalah anti bukan Islam nampaknya tidak berkesan lagi. Malah PAS berkata sekiranya parti itu berkuasa penggunaan berbagai bahasa sebagai

bahasa rasmi akan digalakkan. Orang-orang Cina boleh meneruskan kehidupan budaya mereka tanpa sekatan; hak keistimewaan Melayu akan dihapuskan dan keadilan menurut lunas-lunas Islam akan diberikan. PAS juga sanggup menerima tokoh-tokoh bukan Islam sebagai anggota kabinet asalkan mereka menerima konsep kerajaan Islam yang diperjuangkan oleh parti itu.

Sikap PAS yang lebih terbuka seperti ini tentulah menarik perhatian bukan Melayu. Walaupun pada mulanya MCA dan DAP menganggap itu hanya sebagai propaganda PAS untuk memancing undi orang-orang Cina sahaja tetapi nampaknya kedua parti Cina itu berasa bimbang pula terhadap pengaruh CCC tersebut. Akibatnya MCA kini mahu menubuhkan bahagian Islam untuk 'memperjuangkan' kepentingan Cina Islam pula!

DAP juga berasa cemas sekiranya CCC ini merebak di semua kawasan bandar di Malaysia di mana ia mempunyai pengaruh yang agak kuat. Kalau PAS sanggup memberi lebih banyak hak dan membawa keadilan yang sama kepada bukan Melayu maka bermakna perjuangan DAP tidak memberi kesan lagi. DAP dianggap sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan Cina di Malaysia. Tapi perjuangannya itu kini diambilalih oleh PAS yang berideologikan Islam.

Sekiranya CCC dapat menyakinkan masyarakat Cina tentang kerjasama yang erat dengan PAS maka besar kemungkinan masyarakat Cina akan meninggalkan MCA dan DAP kelak. Semua orang sedar bahawa tanpa sokongan orang Melayu tidak ada parti Cina yang boleh memperjuangkan kepentingan mereka sendiri-sendiri. Tidak ada parti bukan Melayu boleh

hidup tanpa sokongan Melayu. Ada juga orang Cina yang berpendapat mengapa tidak diberi peluang kepada PAS untuk memerintah negara ini untuk satu penggal walhal orang-orang Cina sudah pun memberi 30 tahun kepada BN? Beri peluang kepada PAS sepenggal dulu dan sekiranya ia gagal mengotakan janji-janjinya maka orang Cina kembali pula ke BN untuk terus memerintah, demikian pendapat setengah orang Cina.

Banyak berpendapat bahawa BN masih terus berkuasa lagi dalam pilihanraya akan datang. Banyak yakin bahawa PAS, DAP dan lain-lain parti pembangkang tidak akan boleh menumpaskan BN. Tapi banyak berkeyakinan bahawa majoriti BN kali ini akan berkurangan. Malah ada yang berpendapat tidaklah wajar memberi BN suara dua pertiga lagi kerana majoriti yang banyak akan menjadikan Parlimen sebagai *rubber stamp* sahaja seperti yang berlaku sekarang ini.

Inilah yang membimbangkan Mahathir kerana sejak kekalahan PAS dalam pilihanraya yang lalu ia terus menerus meningkatkan kegiatannya untuk mempengaruhi rakyat bukan saja di kalangan orang-orang Melayu tetapi juga bukan Melayu. Malah kader-kader PAS sanggup berkorban wang ringgit, tenaga dan waktu untuk memperjuangkan kepentingan PAS. Lain halnya dengan UMNO yang penuh dengan skandal dan perbalahan sama sendiri.

Oleh kerana adanya krisis kepimpinan Mahathir-Musa dan kem-kem penyokong yang berbalahan antara satu dengan lain besar kemungkinan ada antara ahli-ahli dan tokoh UMNO yang berpaling tadah untuk bekerjasama

dengan PAS kelak. UMNO terkenal sebagai parti politik Melayu yang banyak bermain dengan politik wang. Tanpa wang seorang pemimpin akan mati kutu. Politik wang inilah yang akan menghancurkan UMNO kelak kerana masing-masing ingin mengejar kedudukan, pangkat dan kuasa untuk mencari wang atau menjadi jutawan *instant!* Dedikasi ahli-ahli UMNO seperti PAS tidak ada.

Peristiwa Memali yang memalukan itu akan tetap menjadi isu bukan saja dalam pilihanraya tetapi juga akan menjadi iktibar dan slogan untuk menaikkan semangat para pejuang PAS dari masa ke masa. Ada orang berpendapat Musa yang memberi arahan untuk menghancurkan penentang-penentang Ibrahim Libya tersebut memandangkan beliau adalah Menteri Dalam Negeri waktu itu. Mereka berpendapat Musa sengaja hendak 'menyulitkan' kedudukan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri kerana peristiwa tersebut berlaku di negeri kelahiran Mahathir sendiri - Kedah.

Andaian yang dibuat oleh golongan yang pro Mahathir ialah peristiwa Memali akan mencebarkan imej Mahathir di kalangan masyarakat Islam bukan saja di Malaysia tetapi juga di negara-negara Islam di dunia di mana Mahathir dianggap seorang pemimpin Islam yang dihormati ramai.

Golongan Mahathir berpendapat bahawa Musa tidaklah begitu senang dengan hasrat menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan kehidupan rakyat. Musa, kata mereka, adalah seorang kosmopolitan yang pro Barat. Justru itu, kata mereka, ia akan berusaha secara langsung atau tidak langsung menggagalkan hasrat Mahathir yang

cuba menyemaikan bibit-bibit Islam dalam kehidupan rakyat dan juga pentadbiran negara.

Tidaklah dapat dikatakan dengan pasti apakah benar tujuan Musa seperti yang dinyatakan oleh golongan Mahathir itu. Tapi kalau itulah niat Musa maka tindakannya itu tidaklah boleh dianggap bijaksana. Tidak dapat disangkal lagi bahawa trend politik di negara-negara Islam sudah condong ke arah Islam. Masyarakat Islam seluruh dunia sedar bahawa hanya Islam sahaja yang menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Justru itu timbul kesedaran baru untuk mengembalikan kepada nilai-nilai Islam tersebut.

Sekiranya Musa menjadi Perdana Menteri kelak beliau sendiri tidak akan berjaya untuk menentang arus semangat Islam yang sedang berkobar-kobar sekarang. Yang penting ialah menyesuaikan ajaran dan falsafah Islam ke dalam masyarakat majmuk supaya ujud keharmonian hidup antara sesama manusia yang terdiri dari berbilang kaum.

Negara Malaysia tidak boleh menjadi seperti Indonesia yang mengaku **Pancasila sebagai falsafah perjuangan negara walhal lebih 80% rakyatnya beragama Islam. Rakyat Malaysia keturunan Melayu dan beragama Islam tidak akan rela negara ini dikuasai oleh golongan bukan Islam yang akan mencorakkan sejarah masa depannya sebagai negara yang bukan Islam. Kita boleh bekerjasama dan berkongsi kuasa dengan bukan Islam asalkan mereka tidak menjatuhkan martabat, maruah dan status Islam sebagai agama rasmi negara ini dan menerima hakikat Malaysia adalah negara Islam.**

Sejak peristiwa Memali perkembangan politik dan ekonomi negara menjadi semakin tenat. Dengan tiba-tiba saja Musa mengambil tindakan meletakkan semua jawatan kabinet dan parti oleh kerana tidak dapat kerjasama yang erat dari Perdana Menteri. Bayangkan seorang pemimpin yang sudah menjawat jawatan yang kedua pentingnya dalam negara tiba-tiba sanggup melepaskan kedudukan yang penting itu! Kedua-duanya pernah mengalami nasib yang sama disingkirkan dari UMNO dan kembali semula menganggotai kabinet dalam zaman Tun Razak, dan kedua-duanya bersama-sama membentuk kabinet yang baru sejak Mahathir menjadi Perdana Menteri!

Apakah Musa tidak boleh bersabar menunggu gilirannya untuk menjadi Perdana Menteri? Apakah Musa tidak kenang jasa-jasa Mahathir yang dua kali menyokongnya untuk merebut jawatan Timbalan Presiden?

Apakah Musa tidak fikir tanpa jawatan kabinet kedudukannya dalam UMNO tidak memberi kesan yang besar untuk mencapai cita-citanya kelak? Sungguhpun beliau mempunyai masa lapang yang banyak untuk menjelajah seluruh negara tetapi belum tentu beliau dapat menyebarkan pengaruhnya dengan mudah. Lazimnya amat sukar untuk menumpas *establishment* sekiranya seseorang itu tidak mempunyai kuasa. Tapi *establishment* boleh digulingkan sekiranya sang tokoh adalah di pihaknya sepertimana yang dilakukan oleh Joseph Pairin di Sabah.

Selepas peristiwa Memali juga krisis politik berlaku di Sabah. PBS yang dipimpin oleh Joseph Pairin Kitingan telah dapat menumpas Berjaya. Mahathir yang membuat pengakuan *sink or swim*

with Berjaya terperanjat bila mengetahui Berjaya kalah. Waktu itu beliau sedang dalam lawatannya ke negara-negara Eropah, dan Musa menjadi pemangku Perdana Menteri.

Menurut orang-orang Mahathir, Mahathir membuat kenyataan di atas kerana diberi kepercayaan bahawa Berjaya tetap menang. Tapi malangnya, menurut orang-orang Mahathir, laporan perkembangan terakhir sebelum pembuangan undi itu dari pihak berwajib tidak disampaikan kepada Perdana Menteri. Sewaktu Musa melawat Sabah menjelang pembuangan undi saya diberitahu oleh orang-orang Musa bahawa harapan Berjaya untuk berkuasa semula amatlah tipis.

Pihak PBS beranggapan Musa adalah tokoh yang menyebelahi perjuangan parti yang pro Kadazan dan Kristian itu. Dalam kempen-kempen pilihanraya baru-baru ini pun orang-orang PBS menyanjung tinggi sumbangan dan nasihat Musa. Kalangan PBS menganggap Mahathir tidak ber-simpatif dengan perjuangan parti tersebut dan kecaman-kecaman yang pedas terhadap Perdana Menteri diluahkan dalam kempen pilihanraya yang lalu.

Golongan Mahathir tahu peranan yang dimainkan oleh Musa untuk menghidupkan PBS. Mereka juga sedar Musa tidak senang dengan sikap Datuk Harris Salleh yang pro Tengku Razaleigh itu. Laporan-laporan yang diterima menunjukkan PBS boleh menang dan Musa pun memberi sokongan kepada PBS.

Menurut orang-orang Mahathir, Musa ingin melihat bagaimanakah Mahathir mahu menyelesaikan masalah Sabah itu setelah Berjaya kalah. Sekiranya masalah Sabah tidak diatasi segera maka

credibility Mahathir sebagai pemimpin akan tercabar. Malah sudah ada kritik dari kalangan BN sendiri yang mendesak BN menerima kemasukan PBS sebagai anggota baru. Malah ada pihak tertentu seperti DAP, Aliran, Tun Hussein Onn dan Tan Sri Tan Chee Koon yang menggesa Perdana Menteri mententeramkan ketegangan politik di negeri itu.

Walaupun akhirnya Barisan menerima juga kemasukan PBS dan USNO sebagai anggota baru BN pada 9hb. Jun 1986 yang lalu namun masalah Sabah yang diheret-heret begitu lama sedikit sebanyaknya menjatuhkan imej Mahathir sebagai pemimpin di masa krisis.

Sebaliknya Musa tidaklah dapat menggunakan kesempatan krisis politik di Sabah itu untuk menjulang popularitinya walaupun PBS menyanjung tinggi sumbangan Musa terhadapnya. Joseph Pairin tahu tanpa menjadi anggota BN, PBS tidak akan *survive* sebagai kerajaan baru di Sabah. Tapi bagaimanapun secara moral Joseph Pairin menang kerana beliau berani menghadapi apa saja risiko dari tempelakannya terhadap Perdana Menteri itu. Beliau yakin akan mendapat kemenangan yang cemerlang dalam pilihanraya yang lalu yang dengan sendirinya meletakkan statusnya sebagai seorang pemimpin yang berkaliber di Sabah dan juga di Malaysia.

Golongan Musa amat optimistis bahawa Johor tidak akan memberi tempat atau kerusi kepada mana-mana parti pembangkang di Parlimen kelak. Malah Musa sendiri telah membuat kenyataan yang terlalu *confident* itu. Perang urat saraf antara Mahathir-Musa ini menunjukkan bahawa kedua tokoh besar dalam UMNO ini akan terus menerus

mencari jalan untuk menumbangkan antara satu dengan lain.

Musa berpendapat UMNO adalah parti 'orang kampung'. Justeru itu ia perlu menghayati hasrat dan cita-cita orang-orang kampung. Apakah ini bermakna kepimpinan UMNO perlu berhati-hati membawa para ahli dan penyokong-penyokongnya untuk menerima kemajuan sains dan teknologi serta industri berat seperti yang dihayati oleh Perdana Menteri?

Sebenarnya terdapat konflik nilai antara tradisi dan modernisme dalam masyarakat Melayu sekarang. Walaupun masyarakat Melayu menghargai setengah nilai tradisi namun majoriti darinya ingin mengejar kehidupan modern sejajar dengan kehendak zaman. Adalah satu permintaan yang negatif dan mundur sekiranya diseru orang Melayu kembali memeluk segala nilai-nilai lama yang serba konservatif dan mengongkong itu. Sebaiknya harus ada perimbangan antara hidup modern dengan nilai-nilai tradisi yang berasaskan kepada ajaran Islam.

Memanglah UMNO dan PAS dalam pertaruhan yang hebat untuk mencari dan memperluaskan pengaruh masing-masing. Dengan adanya krisis kepimpinan dalam UMNO, berbagai skandal yang berupa penyelewengan wang rakyat sebanyak \$2.5 billion oleh BMF, peristiwa Memali yang memalukan dan selagi ujud *money politics* dalam UMNO maka harapan PAS untuk menjadi parti alternatif kepada UMNO bukan satu hal yang mustahil.

Mahathir sedar bahawa sengketa yang berlarutan antara PAS dan UMNO akan merugikan orang Melayu sendiri. PAS yang lama tertindas

merasakan bahawa inilah masanya bagi parti itu untuk berjuang habis-habisan bagi menyebarkan ideologinya dan sekali gus cuba menubuhkan sebuah kerajaan Islam.

Atas kesedaran untuk mencari jalan bagi kerjasama PAS dan UMNO itulah maka Mahathir sanggup menemui tokoh-tokoh PAS yang terkemuka di kediamannya. Presiden PAS, Haji Yusof Rawa dan Ustaz Fadhil Nor dan Syed Ibrahim, Bendahari PAS dianggap adalah golongan sederhana dalam parti itu. Ustaz Hadi Awang juga dijemput tetapi uzur. Hadi, Mustafa Ali dan Naka'ie dianggap dari golongan radikal dalam PAS.

Sungguhpun pertemuan itu dibuat secara rahsia namun masyarakat Melayu tentulah menerima baik terhadap semangat silaturrahim yang ditunjukkan dari kedua pihak. Tidak guna UMNO dan PAS bermusuhan kerana keduanya adalah parti-parti politik orang Melayu yang juga memperjuangkan kepentingan Islam. Janganlah jadi seperti Pak Pandir menang sorak kampung tergadai.

Mahathir barangkali masih mengingati bagaimana beliau menggunakan pentas PAS untuk menyerang pucuk pimpinan UMNO sewaktu beliau disingkirkan dari UMNO dulu. Beliau juga masih ingat bagaimana beliau dikalahkan oleh Haji Yusof Rawa bagi kawasan Parlimen Kota Star oleh kerana pengundi-pengundi Cina mengangap Mahathir seorang 'Ultra', dan Cina sanggup memberi undi mereka kepada calon PAS! Barangkali juga Mahathir berasa bersalah atas tindakan orang-orang kampung dalam Peristiwa Memali itu. Sebagai ingatan muhibbah dan juga kepentingan politik maka pihak kerajaan telahpun

membebaskan semua tahanan dari Peristiwa Memali baru-baru ini.

Soalnya sekarang apakah PAS dan UMNO boleh bekerjasama dan kembali bersatu tenaga untuk membangunkan negara ini? Apakah ertinya perpaduan ummah sekiranya para pemimpin PAS dan UMNO masih bercakaran, saling tuduh menuduh, kafir mengkafir hanya kerana kegelojohan untuk berkuasa? Siapakah yang munafik dan siapa pula yang jujur? Siapakah yang sanggup berkorban demi kepentingan Islam dan siapa pula yang masih berniat untuk melenyapkan musuh politik masing-masing?

Kalau kita mengkaji sejarah politik tanahair kita dapati terlalu mudah bagi orang Melayu menghancurkan orang Melayu yang lain. PAS pernah menganggotai BN tetapi tidak berapa lama ia 'berbulan madu' tiba-tiba saja ia disingkirkan setelah berlaku krisis politik di Kelantan. Begitu juga nasib yang menimpa parti USNO. Oleh kerana USNO menentang Labuan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan maka USNO juga disingkirkan dari BN.

Kalau kita perhatikan gelagat dan desakan daripada parti-parti komponen yang bukan Melayu jelaslah setengah dari desakan parti-parti itu bertentangan dengan semangat perpaduan kaum. Misalnya baik Gerakan maupun MCA tetap mahukan Ketua Menteri Pulau Pinang mestilah dari keturunan Cina. Alasannya majoriti dari penduduk di pulau itu adalah orang Cina! Bagaimana pula kalau UMNO tidak memberi kawasan majoriti Melayu kepada rakan-rakannya itu? Apa pula reaksi bukan Melayu?

MCA juga mendesak supaya dihapuskan kuasa

Menteri Pelajaran yang membolehkan beliau menukar aliran persekolahan Cina dan India kepada Bahasa Kebangsaan. Malah parti itu dengan angkuhnya sanggup keluar dari BN. Gerakan juga dengan angkuhnya sanggup keluar dari BN kalau tidak ditambah kerusi untuknya ataupun tidak membenarkannya menggunakan lambang parti itu sendiri.

Anih sungguh para pemimpin Melayu sanggup bertolak ansur, berbincang dengan komponen BN yang bukan Melayu. Alasannya mengekalkan perpaduan antara Melayu dan bukan Melayu! Tapi apakah UMNO tidak perlu mencari perpaduan dan persaudaraan sesama Islam dari parti PAS?

Percayalah kekuatan UMNO juga akan hancur sekiranya pucuk pimpinannya bercakar sama sendiri, menjaga kepentingan diri dan keluarga serta sahabat handai dan terlalu angkuh dengan kuasa yang ada. Melayu tidak akan menjadi bangsa yang besar dan bermaruah tinggi sepertimana yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri kalau para pemimpin Melayu, baik UMNO maupun PAS, tidak berusaha untuk mengembelikan tenaga dan kekuatan Islam kedua-duanya.

Politik Cina lebih bijak dari politik Melayu. Isu-isu untuk kepentingan Cina bukan saja diperjuangkan oleh DAP tetapi juga oleh MCA, Gerakan dan juga PPP dalam komponen BN. Seolah-olah tersusun strategi yang sistematis oleh golongan Cina untuk memperjuangkan kepentingan mereka dalam semua bidang - politik, ekonomi, pelajaran, agama, sosial dan lain-lain lagi.

Politik Cina bukan untuk hari ini. Politik mereka ialah untuk *survival* dan memiliki kuasa dalam masa sepuluh atau duapuluh tahun akan datang.

Oleh itu mereka konsolidasikan kekuatan, kewangan, kerjasama dan ilmu pengetahuan untuk merancang strategi politik jangka panjang.

Malangnya politik Melayu adalah untuk hari ini. Ada pemimpin politik yang megah dan takabur kerana memperolehi kekuasaan dan peluang untuk memperkayakan diri, keluarga dan sahabat handai tanpa memikirkan jutaan orang Melayu yang masih hidup di bawah paras miskin. Malah ada antaranya yang ingin mengujudkan dinasti seperti Marcos oleh kerana terlalu silau dengan kekuasaan dan kekayaan yang dapat diperaitkan oleh mereka.

Tanda-tanda kehancuran sudah nampak sekarang. Mereka sanggup mempolitikkan agama, mengeksploitasikan projek-projek kerajaan untuk memperkayakan diri masing-masing, kaum keluarga dan sahabat handai tanpa memikirkan bahawa rakyat Malaysia sekarang bukanlah sebodoh seperti yang dimimpikan mereka.

Generasi muda Islam yang berpelajaran tinggi lebih kritikal dari ibubapa mereka di masa lampau. Mereka sedar dan tahu korupsi semakin merebak sekarang. Apakah itu dikatakan komisyen, hadiah, *political fund*' dan sebagainya itu adalah tergolong sebagai korupsi. Berbagai skandal tentang penyalahgunaan wang rakyat dan kuasa bukan lagi perkara asing sekarang. Orang-orang yang tidak amanah, korup, tidak bermaruah diberi kedudukan penting dalam kerajaan. Malah sikap *I scratch your back, you scratch mine* (Saya menggaru belakang kamu dan kamu menggaru belakang saya) nampaknya menjadi amalan dalam kerajaan yang kononnya bersikap "kepimpinan melalui tauladan".

Minta maaf kalau sorotan saya yang agak tajam ini melukai hati orang tertentu. Biarlah kita berterus terang. Biarlah kita belajar dari kesilapan masing-masing supaya kita tidak membuat kesilapan yang baru yang boleh menghancurkan harapan anak cucu dan keturunan bangsa dan agama kita kelak. Kalau Dr. Mahathir benar-benar ingin meninggikan maruah dan martabat bangsa Melayu dan Islam maka kerajaan dan parti pimpinannya mestilah diisi dengan individu-individu yang bermaruah juga.

Slogan-slogan yang bunyinya mentereng tidak memukau orang ramai lagi. Malah setengah slogan menjadi momokan rakyat kerana rakyat tahu amalannya adalah berlainan dari slogannya. Janganlah jadikan kuasa politiknya sebagai tempat untuk memperkayakan diri dan keluarga sehingga tujuh keturunan hingga menimbulkan kemarahan orang ramai. Kuasa politik adalah amanah yang diberikan oleh rakyat untuk merancang kebahagiaan bagi seluruh rakyat. Kuasa politik bukanlah untuk menindas rakyat, melenyapkan impian dan hasrat rakyat terbanyak. Kuasa politik bukanlah untuk selama-lamanya.

Seluruh rakyat Melayu dan Muslimin ingin sekali melihat silaturrahim terjalin antara para penyokong PAS dan UMNO antara pemimpin dari kedua parti Islam yang terbesar di tanahair kita yang tercinta ini. Jiwa besar terletak pada kebesaran hati dan niat untuk bermaufakat, bersaudara, bermaaf-maafan antara satu dengan lain. Melayu dan Islam akan menjadi kuat dan kukuh sekiranya Dr. Mahathir dan Haji Yusof Rawa dapat mempengaruhi para penyokong masing-masing untuk kembali ber-satu membentuk satu barisan Muslimim yang

perkasa di tanah air kita ini.

Tidak ada siapa yang sanggup mencabar dan menghina bangsa Melayu dan Islam sekiranya para pemimpin kita bersatu tekad untuk memberi kesejahteraan dan keadilan kepada semua. Islam tidak mengajar ummatnya menjadi rakus, gila kuasa, pendendam dan zalim. Islam mengajar kita untuk merendah diri, berkorban, berjasa kepada rakyat, agama, bersikap adil kepada semua, berpekerti mulia dan tidak kejam dalam melaksanakan dasar negara.

Moga-moga tulisan ini mengetuk pintu hati para pemimpin UMNO dan PAS untuk mencari kejernihan hidup dan perpaduan dan silaturrahim yang abadi atas lunas-lunas Islam. Memanglah banyak syaitan yang akan mengganggu pemulihan hubungan akrab antara UMNO dan PAS itu kerana perang nafsu adalah perang yang paling besar dihadapi oleh umat manusia. Tapi kita yakin berkat usaha yang jujur dari Dr. Mahathir dan Haji Yusof Rawa dan para pembantu mereka yang setia dan berpandangan jauh maka tidak mustahil bagi UMNO dan PAS menubuhkan barisan Islam yang perkasa di negara kita yang tercinta ini.

6

KEPIMPINAN UMNO MEMERLUKAN KRITIK DIRI

Kata orang tua-tua tidak ada gading yang tak retak. Demikian juga dengan UMNO dan kepimpinannya. Oleh kerana manusia itu mempunyai berbagai watak, yang baik dan yang buruk, maka kenalah dibuat kritik diri secara jujur untuk menilai semula dasar dan selera kepimpinan sekarang.

Objektif kepimpinan politiknya ialah untuk mengujudkan keharmonian hidup antara berbagai bangsa, membawa kemakmuran kepada seluruh rakyat, berjuang atas lunas-lunas kemanusiaan dan keadilan, memberi kemerdekaan bersuara kepada seluruh rakyat disamping mengangkat martabat bangsa dan negara sejajar dengan kehendak zaman. Dan yang amat penting memperjuangan kepentingan agama Islam dalam segala sektor kehidupan ummah.

Objektif ini bukanlah idealisme, suatu mimpi yang tak tercapai. Ia adalah satu kenyataan oleh kerana inilah hasrat rakyat terbanyak yang mengangkat para pemimpin BN berkuasa selama

ini. Perlulah diingat sekali lagi kekuasaan yang diperolehi oleh BN sekarang bukanlah hak peribadi, suatu pemberian yang abadi, tetapi bersifat sementara.

Dr. Mahathir juga adalah juga pemimpin sementara. Beliau tidak boleh menganggap kuasa yang ada di tangannya itu dengan segala kekayaan negara adalah hak mutlak partinya ataupun kepunyaan BN. Kepimpinannya disanjung tinggi ataupun dijadikan momokan oleh rakyat jelata adalah berdasarkan kepada cara kepemimpinan yang diamalkannya.

Dari segi kepimpinan Mahathir memperlihatkan sikap kepimpinan yang kurang mementingkan tradisi amalan dalam UMNO. Misalnya beliau melantik orang-orang yang disenanginya dan terus memberi jawatan menteri kepada mereka tanpa memperhitungkan kedudukan orang-orang ini dalam hirarki parti. Hal ini menimbulkan sungutan dan kemarahan setengah golongan dalam UMNO.

Banyak juga orang merungut dan kurang senang tentang perlantikan Sanusi Jonid sebagai Setiausaha Agung UMNO. Dalam dua pilihanraya yang lalu Sanusi terpaksa pindah dari Yan ke Jerlun - Langkawi untuk mencari kawasan yang selamat. Dalam perebutan jawatan ketua bahagian tersebut Sanusi kalah kepada Datuk Sri Syed Nahar dan akhirnya menarik diri sebagai pencabar bekas Menteri Besar Kedah tersebut. Kini sebagai ahli biasa dan diberi jawatan Setiausaha Agung oleh Mahathir.

Ada orang UMNO yang bertanya mengapa Sanusi diberi jawatan yang penting tetapi beliau sendiri tidak memperlihatkan kepimpinan cemerlang? Malah sebagai ketua bahagianpun

Sanusi tidak mendapat sokongan ahli-ahli UMNO di bahagian Jerlun-Langkawi, kata mereka.

Banyak orang berpendapat jawatan-jawatan menteri dalam kabinet, sebagai Menteri Besar misalnya mestilah diberikan kepada orang yang mempunyai kedudukan dalam MKT dan bukan dilantik oleh Perdana Menteri. Alasannya ialah orang-orang ini mestilah memperlihatkan kebolehan dan kepimpinan mereka sebagai tokoh-tokoh yang disanjung tinggi oleh rakyat (di sini para perwakilan UMNO sendiri).

Walaupun perlantikan menteri ataupun Menteri Besar adalah hak Perdana Menteri tetapi amatlah baik sekiranya tokoh-tokoh yang dipilih itu mempunyai tempat yang tinggi dalam hirarki kepimpinan UMNO sendiri. Dengan demikian bermakna hasrat orang ramai terpelihara dan Perdana Menteri tidak pula dianggap sebagai pilih kasih.

Ada juga sungutan dari kalangan para pemimpin UMNO bahawa Dr. Mahathir lebih banyak mendapat "nasihat" dari Daim Zainuddin, Anwar Ibrahim, Sanusi Jonid dan Megat Jonid dari anggota-anggota lain dalam kabinet. Malah ada yang menganggap sudah timbul 'Kedah Mafia' yang membolot sebahagian besar dari kepentingan politik dan projek-projek pembangunan gergasi sekarang.

Cakap-cakap begini sudah meluas. Secara tidak langsung akan menjejaskan imej Perdana Menteri. Sekiranya tidak diberi perhatian yang serius terhadap tuduhan begitu maka akan menimbulkan reaksi negatif pula dari pihak lain dalam UMNO.

Misalnya, semua projek kerajaan yang melebihi nilai \$5 juta mestilah mendapat kelulusan dari Menteri Kewangan sendiri. Dikatakan banyak

usahawan yang terdiri dari UMNO sendiri berasa kecewa untuk mendapatkannya sekiranya mereka bukanlah tergolong dalam 'Kedah Mafia'.

Dr. Mahathir perlulah meneliti hal ini dengan siriis untuk mengkaji kebenarannya. Adalah kurang sihat sekiranya sebahagian besar projek pembangunan negeri ataupun negara diberikan kepada individu-individu tertentu ataupun syarikat-syarikat tertentu. Akibatnya orang akan menuduh Perdana Menteri sendiri yang terlibat dalam kes-kes seperti ini, dan tentulah akan mencemarkan kepimpinan beliau.

Mengapa tidak diberi peluang kepada orang lain juga untuk bersaing bagi mendapatkan projek-projek besar itu? Memanglah ada saingan dalam pemberian tender tetapi dikatakan juga hubungan politik adalah penting untuk mendapatkan projek-projek yang besar tersebut.

Memanglah wajar bagi Menteri Kewangan mengawasi setiap perbelanjaan projek-projek besar yang menelan berjuta-juta ringgit. Ia melibatkan wang negara, wang rakyat. Tapi dengan sistem sekarang yang hanya diputuskan oleh Menteri Kewangan sahaja tidakkah ada kemungkinan penyalahgunaan kuasa?

Kita bukan mempertikaikan kewibawaan dan keikhlasan Menteri Kewangan yang saya kenal secara peribadi. Yang menjadi persoalan ialah adanya sungutan dan keresahan di kalangan para usahawan, termasuk dari kalangan UMNO sendiri, yang menganggap bahawa ada unsur nepotisme dalam pemberian projek-projek besar tersebut.

Amatlah baik sekiranya diberikan sebahagian dari projek-projek tersebut kepada beberapa syarikat dan individu yang berkemampuan supaya

tidak ketara pembolotan oleh sesuatu syarikat tertentu yang boleh menimbulkan kesangsian dari orang ramai. Kebijaksanaan begini tentulah akan mengurangkan politiking dan sedikit sebanyak memberi kepuasan kepada orang lain juga.

Memang benar ada individu-individu tertentu yang 'memperdagangkan' nama Perdana Menteri untuk mendapat projek atau untuk meluaskan pengaruh. Ini lumrah. Para birokrat akan membuka pintu seluas-luasnya kepada mereka yang ada kaitan dengan Perdana Menteri dan tentulah tidak ada manusia yang sanggup menanya kepada Perdana Menteri apakah si anu dan si anu itu keluarga Dr. Mahathir atau sahabat baik Perdana Menteri. Demi menjaga kepentingan diri sendiri sang birokrat terpaksa memberikan berbagai peluang projek ataupun kemudahan kepada mereka yang 'menjual' nama Perdana Menteri.

Memang kelakuan ini buruk padahnya kepada imej Perdana Menteri. Tetapi Perdana Menteri tidaklah boleh mendiamkan diri sekiranya beliau sedar ada golongan, syarikat dan individu tertentu 'menjual' namanya. Malah banyak orang berkata ada juga keluarga Perdana Menteri di pihak isterinya yang mendapat berbagai kemudahan projek yang menelan berjuta-jua ringgit itu.

Salahkah kalau ada keluarga Perdana Menteri mendapat projek berjuta-juta ringgit? Tidak salah kalau tidak melampau hingga mencemarkan nama baik Perdana Menteri.

Memanglah sukar bagi Perdana Menteri hendak menolak setiap permintaan dari sahabat handainya dan juga setengah tokoh-tokoh parti. Walaupun begitu amatlah baik sekiranya beliau dapat memberi sedikit perhatian terhadap 'penjualan'

nama dan kedudukannya oleh orang-orang tertentu supaya tidak timbul salah sangka di kalangan orang ramai.

UMNO adalah parti politik yang berpengaruh dan terbesar di Malaysia. Ia juga mempunyai bangunan yang mencakar langit yang masih belum habis dibayar. Menurut sumber Ibu pejabat UMNO bangunan itu masih terhutang sebanyak \$300 juta lebih sebelum menjadi milik abadi parti tersebut. Walaupun pernah dilancarkan derma di kalangan ahli-ahli UMNO untuk mengurangkan hutang parti namun jumlah yang dikutip tidaklah begitu lumayan. Sumber-sumber lain harus dicari untuk mengurangkan hutang yang besar tertentu. Dalam hal ini tentulah UMNO kena buat bisnes dan tentulah ada orang-orang UMNO yang bijak bistari untuk menguruskan bisnes bagi parti tersebut. Sebagai seorang jutawan dan merangkap sebagai Bendahari UMNO tentulah Daim dapat mengikhtiarkan sumber kewangan untuk mengurangkan hutang-hutang UMNO kelak.

Baru-baru ini timbul berita hangat dalam **Asian Wall Street Journal** yang menuduh Daim menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan untuk mendapat kelulusan bagi menambahkan equitinya dalam United Malayan Banking Berhad (UMBC). DAP menggunakan laporan akhbar bisnes dari Hong Kong itu untuk membesarkan lagi perkara tersebut. Sebuah rencana yang ditulis oleh 'A Correspondent' membela Daim dalam New Straits Times dan menganggap laporan Hong Kong itu dibuat untuk memburukkan imej Menteri Kewangan dan secara tidak langsung membabitkan kepimpinan Dr. Mahathir.

Wartawan yang membela Menteri Kewangan itu

menghuraikan dengan panjang lebar strategi Yahudi antarabangsa yang ingin menjatuhkan kerajaan Malaysia yang dianggapnya terlalu pro Arab dan Islam. Dengan mendedahkan laporan seumpama itu pihak akhbar Hong Kong tersebut ingin memberi malu kepada Menteri Kewangan yang telah memberikan ucapan yang pedas mengkritik negara-negara Barat dalam persidangan Asian Development Bank di Manila itu.

Memanglah kerajaan Malaysia anti Yahudi, pro Islam dan Arab. Malaysia juga sedikit sebanyak anti Barat (ingat 'buy British last'). Memang ada niat jahat kaum Yahudi untuk menghancurkan kerajaan Malaysia itu, dan seluruh rakyat yang cintakan negara ini tentulah akan menentang setiap usaha luar untuk melumpuhkan kerajaan kita.

Sungguhpun kita benci campurtangan asing dalam urusan dalam negara kita namun demikian kita perlu juga mendapat penjelasan yang sebenar apakah ada *conflict of interest* dalam urusan UMBC yang disebutkan itu. Rakyat harus diberi pemahaman yang sebenarnya kedudukan tersebut supaya dapat menilai apakah laporan tersebut suatu muslihat politik antarabangsa yang berniat jahat atau sebaliknya.

Misalnya ada orang yang menyoal apakah **rationale** arahan Menteri Kewangan yang membataskan pemilikan saham sesebuah bank adalah berdasarkan 10% untuk individu atau 20% bagi syarikat. Menurut syarat baru tersebut bermakna tidak ada individu maupun syarikat yang boleh mengontrol sesebuah bank. Sekiranya sesebuah bank itu hendak dikontrol (lebih dari 51%) maka lebih baik seorang individu diambilkira untuk menguasai lebih dari 51% equiti bank. Atau tiga

buah syarikat yang kaya bolehlah membolot equiti lebih dari 51% sekiranya mereka hendak membolot kekuasaan sesebuah bank.

Barangkali Menteri Kewangan tidak mahu sesebuah bank, apalagi yang besar dan kaya, dikuasai oleh seseorang individu ataupun sesuatu syarikat tertentu tidak kira apakah individu itu seorang jutawan Melayu, Cina ataupun India. Kalau inilah *rationalenya* maka arahan Menteri Kewangan itu amatlah baik dan kena pada waktunya.

Tetapi, tanya lagi setengah banker dan usahawan-usahawan yang tercungap-cungap, mengapakah arahan itu dibuat selepas syarikat keluarga Daim menguasai UMBC? Di sini kita sampai pada jalan buntu, dan hanya Menteri Kewangan saja yang boleh menjawabnya.

Tentang rancangan jahat Yahudi dan setengah kerajaan Barat terhadap kerajaan Malaysia perlulah kita menimbang dengan wajarnya dasar luar dan dasar ekonomi negara kita. Sebelum Mahathir dasar luar Malaysia adalah dianggap condong ke Barat walaupun kita juga menjadi salah sebuah negara berkecuali. Dalam soal memperjuangkan Islam negara kita tidaklah 'hebat' seperti sekarang. Akibatnya harga hasil komoditi kita terus merosot dan rakyat terpaksa besarbar menghadapi tekanan ekonomi di zaman meleset ini.

Apakah perlu mengamalkan dasar luas dan ekonomi yang anti Barat kalau sebahagian besar dari hasil komoditi kita ditentukan oleh pedagang-pedagang Barat? Kini bijih, kelapa sawit, minyak mentah dan sebagainya mengalami harga pasaran

dunia yang rendah akibat dari sikap 'protectionism' negara-negara itu dan dasar luar kita yang kononnya berpandangan ke Timur.

Malaysia boleh memperjuangkan kepentingan Islam dan di samping itu tetap mempunyai hubungan yang akrab dengan negara-negara lain, baik blok Barat. Komunis ataupun berkecuali. Malaysia adalah negara kecil yang tidak sanggup berdikari tanpa bekerjasama dengan negara-negara besar lainnya. Dengan berbaik-baik dengan negara-negara asing lainnya Malaysia bukan saja dapat meluaskan hubungan dagangan tetapi juga dihormati oleh pemimpin-pemimpin luar sebagai negara kecil yang mempunyai pemimpin yang berjiwa besar.

Maruah bangsa yang sering diperkatakan oleh Perdana Menteri amat perlu mendapat perhatian seluruh rakyat termasuk juga ahli-ahli politik. Slogan-slogan seperti 'Bersih, Cekap dan Amanah' dan 'Kepimpinan Melalui Tauladan' itu dibuat dengan maksud agar setiap orang menampilkan nilai-nilai hidup bangsa yang baik dan murni. Oleh itu para pemimpin politik, tokoh-tokoh masyarakat dan para cendekiawan dan para alim ulama mestilah terlebih dahulu menunjukkan sifat-sifat yang mulia itu supaya menjadi tauladan kepada rakyat.

Korupsi yang bermaharajalela, komisyen yang dipinta oleh pihak tertentu, melambangkan ketiadaan maruah dan disiplin dalam masyarakat dan secara tidak langsung memberi gambaran yang negatif terhadap kepemimpinan negara kita. Yang penting kurangkan slogan dan amalkan disiplin kerja dan perkhidmatan yang baik, jujur dan luhur supaya maruah

bangsa terpelihara.

Sekiranya UMNO ingin terus menerus menjadi pemimpin bangsa Melayu dan pejuang Islam yang tulen maka para pemimpinnya haruslah berikhtiar untuk menyimpulkan silaturrahim antara UMNO dengan PAS. Perpecahan di kalangan Melayu dan Islam adalah disebabkan para pemimpin dari kedua parti yang terbesar ini terlalu bernafsu besar untuk memburu kekuasaan politik tanpa memikirkan bahawa perpecahan di kalangan Melayu dan Islam itu akan membawa padah yang buruk kepada generasi akan datang.

Orang-orang UMNO tidak boleh menyalahkan PAS sahaja yang menyebabkan perpecahan ummah. Mereka juga bersalah dan mereka juga perlu membuat kritik diri secara jujur. Percayalah tidak ada anak Melayu yang akan melupai Peristiwa Memali yang amat memalukan itu. Ini adalah sejarah hitam yang akan menghantui perasaan setiap orang terlibat dengan peristiwa itu seumur hidup mereka.

Keretakan hubungan antara Dr. Mahathir dengan Datuk Musa Hitam perlu diatasi supaya tidak timbul berbagai puak yang berpecah belah dalam UMNO. Kedua-dua pemimpin tersebut tidaklah sunyi dari membuat kesalahan. Kedua-dua mempunyai kelemahan dan kekuatan. Kedua-dua banyak menumbangkan dermabakti dan pengorbanan kepada negara, masyarakat dan bangsa.

Sungguhpun Dr. Mahathir boleh bertindak apa saja terhadap kemunculan semula Datuk Musa dalam kabinet akan datang namun perlulah ujud sikap silaturrahim dan budi bicara yang luhur demi kepentingan perpaduan Melayu. Hari ini zaman kegemilangan Mahathir, besok barangkali orang

lain pula. Ini adalah hukum alam di mana manusia adalah pelakornya. Tapi Allah adalah Maha Berkuasa dan Maha Adil dan Dialah yang akan menentukan nasib seseorang, sesuatu Bangsa.

Memanglah para juak-juak dari berbagai golongan pemimpin bersengketa itu akan terus menerus melemparkan berbagai tohmah, tuduhan yang menghiris hati dan perasaan untuk terus menerus menekan antara satu dengan lain. Tapi kalau pemimpin itu benar-benar berjiwa besar, bermaruah, beragama dan berpandangan jauh maka mereka terpaksa mengawal perasaan dan budibicara mereka dari terjebak dalam kancah politik yang hancur-menghancurkan.

Bangsa Melayu dewasa ini menghadapi krisis kepimpinan. Mereka bimbang dengan perkembangan tidak sihat yang semakin menjadi-jadi. Banyak pemimpin yang 'cakap tak serupa bikin'. Banyak yang menggunakan agama sebagai alat untuk menghancurkan musuh-musuh politik tanpa menyedari bahawa agama mengajar manusia ke jalan kebaikan, keluhuran dan kebajikan. Orang yang kaya menjadi bertambah kaya, bertambah angkuh dan menggunakan kedudukan politik bagi mendirikan sebuah dinasti.

Ingatlah, wahai para pemimpin politik UMNO maupun PAS, sekiranya kalian mengabaikan tanggungjawab anda terhadap generasi bangsa Melayu dan Islam di masa depan maka anak cucu anda kelak akan mengutuk anda selama-lamanya. Anda boleh membina dinasti yang kaya raya hasil dari khazanah negara dan titik peluh rakyat jelata tetapi anda tidak akan terlepas dari tanggungjawab anda di akhirat kelak.

PAS dan UMNO adalah bertanggungjawab

sekiranya keturunan Melayu dan Islam menjadi orang asing di negara mereka sendiri.

selesai

15hb. Jun. 1986

25 APR 1988

UMNO kini menghadapi krisis
kepimpinan.

Musa diramal akan mencabar
Dr. Mahathir untuk merebut ja-
watan Presiden pada tahun 1987
akan datang.

Siapakah 'Kedah Mafia'?

Siapakah yang cekap, bersih
dan amanah sekarang?

Mengapa PAS dan UMNO mesti

bersatu mempertahankan ma-
ruah Bangsa?

Siapakah yang menang sorak
kampung tergadai?

Yahaya Ismail menyoroti liku-
liku politik UMNO dan mende-
dahkan apa yang orang lain ta-
kut menyampaikan kepada pu-
cuk pimpinan UMNO.